

BAB 3

AKTIVITI DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU DI JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI)

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan hasil kajian secara mendalam mengenai aktiviti dakwah terhadap saudara baru yang dijalankan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kuala Lumpur dengan mengenal pasti tahap penilaian responden terhadap aktiviti dakwah yang telah dijalankan. Dalam bab ini turut menyatakan pengenalan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI), statistik saudara baru dari tahun 2004 hingga 2009, aktiviti pengisian ilmu, aktiviti sambutan keagamaan, aktiviti kebajikan dan kesimpulan.

3.2 Pengenalan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) merupakan sebuah badan kerajaan yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan umat Islam. Pada awal penubuhannya, ia bermula dengan penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 1 Februari 1974. Penubuhan tersebut adalah berikutan dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak iaitu Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Pada Fasa 38A, Perintah Wilayah Persekutuan 1974 menyebutkan berkenaan dasar-dasar yang telah diputuskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), hendaklah dilaksanakan oleh sebuah Urus Setia. Bahkan urus setia MAIWP pada ketika itu merupakan satu unit di bawah Pengurusan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam, Jabatan

Perdana Menteri. Pada tahun 1976, Bahagian Urus Setia ini telah dinaikkan taraf kepada sebuah jabatan.¹

Apabila Institusi ini diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan, maka lahirlah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Kemudian diletakkan di bawah Pengurusan Majlis Kebangsaan bagi hal ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Bangunan pertamanya bertempat di Bangunan Pusat Islam lama, yang kini telah dijadikan Muzium Kesenian Islam pada tahun 1978. Berikutnya JAWI diletakkan pula di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan sehinggalah Kementerian tersebut dimansuhkan pada tahun 1987. Seterusnya ia diletakkan di bawah Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan pada tahun 1987 sehingga tahun 1998. Akhirnya bermula pada 4 Februari 1998, ia diletakkan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).²

JAWI adalah sebuah institusi agama di Wilayah Persekutuan dan fungsinya ialah mengurus, mentadbir dan menyelaraskan masyarakat Islam di Wilayah tersebut. Institusi ini berperanan untuk membentuk umat Islam yang progresif, responsif, dinamik, dan positif dengan tuntutan agama Islam.³

Pusat pentadbiran JAWI ialah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan mempunyai dua cawangan berikutan tertubuhnya dua Wilayah Persekutuan yang baru iaitu cawangan Labuan yang ditubuhkan pada 16 April 1984 dan cawangan Putra Jaya ditubuhkan pada 1 Ogos 2001.⁴

¹Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, <http://www.Gov.my/utama/jawiumum.htm>. Diedit kali terakhir pada 12 Julai 2000 (Maklumat ini diperoleh pada 03 Jan 2010, jam 04:45 petang).

²*Ibid.*

³*Ibid.*

⁴*Ibid.*

Institusi ini memainkan peranan penting dalam merangka, mendraf sehinggalah kepada pelaksanaan aktiviti dakwah terhadap saudara baru. Perancangan yang teliti akan menghasilkan suatu gerak kerja yang berkualiti. Begitu juga dengan perancangan aktiviti dakwah yang dilaksanakan secara teliti dengan mengambil kira modul yang digunakan serta bersesuaian dengan keadaan sasaran akan menjamin keberkesanan tersebut.⁵

JAWI mempunyai dasar dan hala tuju yang tersusun bagi membolehkan ia merangka aktiviti dakwah dengan baik. Keadaan ini akan bertambah baik jika ia mempunyai bentuk pengurusan yang sistematik meliputi pelbagai aspek khususnya dalam aktiviti dakwah terhadap saudara baru supaya lebih terancang dan tersusun.⁶

Justeru itu, JAWI mempunyai unit khas yang menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan saudara baru. Unit ini terletak di bawah bahagian dakwah, pada awalnya unit ini dinamakan sebagai Unit Kebajikan JAWI. Kemudian unit ini dipecahkan kepada Unit Kebajikan Am dan Unit Kebajikan Saudara Baru. Berikutnya, unit ini telah bertukar menjadi satu unit yang berasingan iaitu Unit Saudara Baru. Seterusnya pada awal bulan April 2009, Unit ini diganti dengan Unit/Cawangan Kebajikan Saudara Muslim. Walaupun demikian, istilah saudara baru masih diguna pakai kerana ia sudah sedia maklum.⁷

Objektif utama unit ini ialah:

1. Menjadi tempat rujukan kepada saudara baru untuk mendapatkan khidmat nasihat, panduan, menyelesaikan masalah dan sebagainya.

⁵*Ibid.*

⁶*Ibid.*

⁷Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam11:30 pagi, pada 13 Mei 2009.

2. Menyampaikan maklumat-maklumat dan panduan-panduan asas berkaitan dengan Islam kepada saudara baru.
3. Menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan saudara baru terutamanya yang berkaitan dengan proses pendaftaran dan sebagainya.
4. Menjaga kebajikan saudara baru.

Unit ini memberi penekanan terhadap aspek-aspek berkaitan dengan pengisian ilmu dan hal ehwal yang berkaitan dengan Islam. Untuk menjayakan program tersebut, unit ini menganjurkan kelas-kelas pengajian Islam yang dijalankan sama ada secara sepenuh masa ataupun separuh masa.⁸

Di samping itu, unit ini menyediakan kursus-kursus intensif yang dijalankan untuk meningkatkan lagi kefahaman saudara baru terhadap akidah Islam sama ada dari segi pengisian ilmu atau praktikal contohnya seperti Kursus Pemantapan Akidah dan Kursus Motivasi Akidah dan lain-lain lagi.⁹

3.3 Statistik Saudara Baru Dari Tahun 2004 Hingga 2009

Statistik saudara baru yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), dari tahun 2004 hingga 2009 adalah seperti berikut:¹⁰

⁸*Ibid.*

⁹*Ibid.*

¹⁰Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (t.t), *Laporan Statistik Saudara Baru JAWI*, Kuala Lumpur: Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, dari tahun 2004 hingga 2009. Statistik ini diperoleh pada 18 Januari 2010. Statistik saudara baru pada tahun seterusnya tidak di benar dikeluarkan untuk paparan umum kerana ia menjadi bahan kawalan JAWI atas arahan menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

3.3.1 Jumlah Saudara Baru Dari Tahun 2004 Hingga 2009

Jadual 3.1

Bil	Tahun	Jumlah
1.	2004	713
2.	2005	594
3.	2006	517
4.	2007	471
5.	2008	597
6.	2009	974

Sumber: Laporan Unit Saudara Baru JAWI

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, mendapati bilangan golongan *non-Muslim* yang memeluk agama Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah tidak tetap seperti dinyatakan di atas, walaupun begitu ia menunjukkan peningkatan positif pada tahun 2008 dan 2009. Menurut statistik pada tahun 2004 jumlah mereka yang memeluk Islam adalah seramai 713 orang sahaja. Manakala pada tahun 2005 menurun kepada 594 orang dan pada tahun 2006 terus menurun kepada 517 orang. Pada tahun 2007 pula jumlah saudara baru yang memeluk Islam terus menurun kepada 471 orang dan berikutnya pada tahun 2008 saudara baru yang baru memeluk Islam ada perkembangan yang baik dan mula meningkat kepada 597 orang. Seterusnya pada tahun 2009 jumlah saudara baru terus meningkat kepada 974 orang.

Jumlah ini sangat baik, ia menunjukkan kesedaran masyarakat *non-Muslim* terhadap kesempurnaan Islam. Jumlah ini juga menggambarkan keberkesanan aktiviti dakwah yang diperbagaikan oleh institusi dakwah dalam usaha meninggikan syiar Islam khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.3.2 Statistik Saudara Baru Menurut Jantina

Jadual 3.2

Jantina	2004	2005	2006	2007	2008	2009	Jumlah
Lelaki	451	369	312	303	332	568	2335
Perempuan	262	225	205	168	265	406	1531

Sumber: Laporan Unit Saudara Baru JAWI

Merujuk jadual 3.2 di atas, dilihat dari sudut jantina saudara baru yang memeluk Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2004 hingga 2009, adalah lebih ramai kaum lelaki iaitu seramai 2335 orang (60%), berbanding orang perempuan yang berjumlah 1531 orang (40%). Jumlah ini menunjukkan kaum lelaki lebih tinggi daripada kaum perempuan kerana mereka ini lebih bebas dan luas pergaulan berbanding dengan kaum perempuan. Hal ini disebabkan kaum lelaki tidak terlalu terikat dengan keluarga dan mereka lebih berdikari dalam kehidupan dan berani membuat keputusan walaupun terpaksa berhadapan dengan tentangan keluarga.¹¹

Oleh demikian, perancangan dan strategi dakwah terhadap golongan saudara baru lelaki perlu diambil kira sebagai sasaran dakwah yang berpotensi memandangkan jumlahnya yang besar dalam memastikan kejayaan dakwah. Sehubungan dengan itu, penglibatan pendakwah lelaki perlu diberi perhatian supaya penyebaran dakwah lebih mudah disampaikan kepada golongan tersebut.

¹¹Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10: 55 pagi, pada 20 Ogos 2009.

3.3.3 Statistik Saudara Baru Menurut Bangsa

Jadual 3.3

Bil	Bangsa	2004	2005	2006	2007	2008	2009	Jumlah
1	Cina	214	168	126	119	160	268	1055
2	India	130	115	96	87	121	193	742
3	Orang Asli	14	9	6	8	6	2	45
4	Sabah/Serawak	169	148	165	127	124	189	922
5	Punjabi	21	14	9	5	5	21	75
6	Serani	8	1	4	6	3	3	25
7	Indonesia	6	6	8	8	5	15	48
8	Filipina	28	36	27	21	46	80	238
9	Thailand	15	11	10	7	3	10	56
10	Jepun	6	3	4	1	3	4	21
11	Eropah	34	23	22	13	1	25	118
12	Lain-lain	68	60	40	69	120	164	521

Sumber: Laporan Unit Saudara Baru JAWI

Merujuk jadual 3.3 di atas, jumlah bangsa yang paling ramai memeluk Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari 2004 hingga 2009, adalah terdiri dari bangsa Cina iaitu seramai 1055 orang (27.2%). Berikutnya, bangsa yang kedua ialah bangsa yang datang dari Sabah dan Sarawak iaitu seramai 922 orang (24%) dan diikuti bangsa yang ketiga iaitu India seramai 742 orang (19.1%). Adapun bangsa yang keempat ialah Filipina iaitu seramai 238 orang (6.1%), manakala bangsa yang kelima ialah bangsa yang datang dari Eropah iaitu seramai 118 orang (3%). Berbeza pula yang keenam iaitu Punjabi seramai 75 orang (2%). Berikutnya, yang ketujuh ialah

Thailand iaitu seramai 56 orang (1.4%), dan yang kelapan pula ialah Orang Asli iaitu seramai 45 orang (1.1%) serta diikuti bangsa yang kesembilan ialah bangsa yang datang dari Indonesia iaitu seramai 48 orang (1.2%). Kesepuluh ialah Serani, iaitu seramai 25 orang (0.6%). Seterusnya yang kesebelas ialah bangsa Jepun iaitu seramai 21 orang (0.5%), dan yang terakhir iaitu yang kedua belas ialah lain-lain bangsa seramai 521 orang (13.4%).

Oleh demikian, ditinjau dari jumlah bangsa yang paling ramai memeluk Islam seperti dinyatakan pada jadual di atas, adalah penganut agama Buddha terdiri dari bangsa Cina. Mereka ini tidak terlalu terikat dengan amalan ibadah dan adat yang begitu terlampau dengan erti kata lain keterbukaan. Mereka juga tidak terlalu kuat berpegang pada agama asal mereka.¹² Justeru, tidak hairanlah jika mereka mudah terpengaruh dengan agama lain yang dapat menarik minat di dalam hati mereka.

3.3.4 Statistik Saudara Baru Menurut Taraf Pendidikan

Jadual 3.4

Bil	Pendidikan	2004	2005	2006	2007	2008	2009	Jumlah
1	Tinggi	273	244	193	182	201	260	1353
2	Menengah	222	183	170	144	283	531	1533
3	Rendah	158	131	121	117	67	111	705
4	Lain-lain	60	36	33	28	46	72	275

Sumber: Laporan Unit Saudara Baru JAWI

¹²*Ibid.*

Berdasarkan jadual 3.4 di atas, kajian ini mendapati, bilangan tahap pendidikan saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah tidak tetap. Mengikut statistik yang dikeluarkan pada tahun 2004 hingga 2009 jumlah tahap pendidikan tinggi saudara baru adalah seramai 1353 orang (35%). Adapun tahap pendidikan menengah pula jumlahnya lebih besar jika dibandingkan dengan pendidikan tinggi iaitu seramai 1533 orang (40%). Manakala tahap pendidikan rendah pula terus menurun jika dibandingkan dengan tahap pendidikan di atas iaitu seramai 705 orang (18%). Seterusnya tahap lain-lain pendidikan pula hanya seramai 275 orang (7%).

Ditinjau dari tahap pendidikan saudara baru, didapati golongan berpendidikan menengah lebih ramai jika dibandingkan dengan golongan berpendidikan tinggi atau rendah kerana golongan menengah ini lebih terdedah dengan unsur-unsur dakwah yang terdapat di persekitaran mereka bahkan mereka ini bersikap terbuka jika dibandingkan dengan tahap pendidikan yang lain yang bersikap ego, taasub dengan sesuatu agama dan sebagainya.

3.3.5 Statistik Saudara Baru Menurut Agama Terdahulu

Jadual 3.5

Bil	Agama	2004	2005	2006	2007	2008	2009	Jumlah
1	Kristian	303	279	265	246	291	460	1844
2	Hindu	110	103	90	72	102	193	670
3	Buddha	179	120	111	95	137	215	857
4	Lain-lain	121	92	51	58	67	106	495

Sumber: Laporan Unit Saudara Baru JAWI

Merujuk jadual 3.5 di atas, jumlah penganut agama terdahulu paling ramai memeluk agama Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari 2004 hingga 2009 adalah terdiri daripada agama Kristian iaitu seramai 1844 orang (48%). Adapun agama kedua yang memeluk Islam pula ialah Buddha iaitu seramai 857 orang (22%). Berikutnya, agama yang ketiga ialah agama Hindu iaitu seramai 670 orang (17%). Seterusnya ialah lain-lain agama iaitu seramai 495 orang (13%).

Jumlah di atas menunjukkan penganut agama Kristian lebih ramai memeluk Islam jika dibandingkan dengan agama lain, ini disebabkan mereka menyedari kebenaran dan keutuhan agama Islam kerana agama yang mereka anuti sebelum ini ternyata bertentangan dengan kebenaran yang mereka cari selama ini.

Oleh demikian, Kristian ialah agama yang tergelincir dari kebenaran, pada asalnya ia berpegang dengan ajaran yang datang dari as-Samawī iaitu berpandukan kitab al-Injīl yang diturunkan kepada nabi Isa a.s, Islam juga agama yang berpegang teguh dengan ajaran datang dari as-Samawī yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW¹³ maka mudahlah bagi mereka memahami akan kebenaran dan kesempurnaan Islam.

Justeru itu, fokus utama haruslah diberikan kepada penganut agama ini dengan mempelbagaikan konsep dakwah serta aktiviti kerana ia merupakan aset penting dalam usaha menjayakan gerakan dakwah Islam khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

¹³Faruq al-Syeikh Ab. Syeikh Najm al-Abdalī (2008), *Sains Dari Perspektif Kitab Samawī*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, h. xiv, 91-96, 124-126.

3.3.6 Statistik Saudara Baru Mengikut Peringkat Umur

Jadual 3.6

Bil	Umur	2004	2005	2006	2007	2008	2009	Jumlah
1	0-10	15	8	10	6	15	13	67
2	11-17	6	6	5	4	12	28	61
3	18-30	406	354	299	254	299	477	2089
4	31-40	196	158	150	122	174	276	1076
5	41-55	76	58	38	70	83	147	472
6	56 Ke atas	14	10	15	15	14	33	101

Sumber: Laporan Unit Saudara Baru JAWI

Merujuk jadual 3.6 di atas, jumlah umur saudara baru yang paling ramai memeluk Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari 2004 hingga 2009 ialah 18 hingga 30 tahun iaitu seramai 2089 orang (54%). Ini kerana golongan ini sudah matang dan mampu membuat keputusan sendiri serta lebih mudah menerima pembaharuan. Kebanyakan mereka ini tertarik dengan Islam melalui pergaulan dengan rakan-rakan dan tidak kurang juga melalui bahan bacaan. Setelah mengkaji kebaikan Islam akhirnya mereka telah terbuka hati untuk memeluk Islam sebagai agama mereka.¹⁴ Golongan kedua yang ramai memeluk Islam ialah dalam kalangan saudara baru ialah yang berumur lingkungan 31 hingga 40 tahun iaitu seramai 1076 orang (28%). kebanyakan golongan ini sudah bekerja dan berumah tangga. Adapun golongan yang ketiga pula iaitu peringkat umur 41 hingga 55 tahun 472 orang (12%). Golongan yang keempat pula ialah umurnya 56 tahun ke atas ialah seramai 101 orang (3%). Manakala yang kelima iaitu peringkat umur lingkungan 0 hingga 10 tahun ialah seramai 67 orang

¹⁴*Ibid.*

(2%). Seterusnya yang keenam iaitu peringkat umur 11 hingga 17 tahun ialah seramai 61 orang (2%).

Oleh demikian, ditinjau dari statistik peringkat umur saudara baru, didapati peringkat umur dari 18 tahun hingga 30 dan 31 hingga 40 tahun merupakan jumlah yang ramai memeluk Islam seperti dinyatakan di dalam jadual di atas. Jumlah ini menunjukkan kesedaran golongan dewasa terhadap kebenaran Islam lebih jelas dan terang serta mereka mudah menerima Islam sebagai agama anutan dalam kehidupan mereka. Justeru itu, golongan ini merupakan aset penting dalam usaha menjayakan aktiviti dakwah Islam khususnya di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI).

3.4 Aktiviti Pengisian Ilmu

Ilmu merupakan sesuatu yang amat bernilai dalam kehidupan manusia. Justeru itu, Islam menggalakkan umatnya supaya menimba ilmu sebanyak mungkin dan setinggi yang boleh. Islam juga tidak pernah membezakan antara seorang individu dengan individu yang lain dalam mempelajari ilmu dari segi umur, jantina dan keadaan fizikalnya bahkan tidak menentukan batas-batas geografinya (di mana-mana negara atau negeri). Fungsi ilmu pula ialah menjadi petunjuk dan membentuk kehidupan manusia sama ada kehidupan maknawi atau kebendaan, kehidupan dunia atau akhirat dan menjadikannya sebagai jalan keimanan serta perangsang kepada amalan-amalan harian.¹⁵

Justeru, bagi mereka yang baru menganut Islam (saudara baru), pengisian ilmu pengetahuan mengenai asas-asas Islam adalah amat penting dan mustahak. Maka

¹⁵Zaluddin Sulaiman (1995), *Islam Dalam Kehidupan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man. h. 33.

golongan ini amat memerlukan kepada satu institusi yang bertanggungjawab untuk memastikan mereka mendapat didikan bagi meningkatkan kualiti mengenai pengetahuan ajaran Islam melalui aktiviti pengisian ilmu. Oleh demikian, satu kajian dilakukan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kuala Lumpur untuk melihat aspek dan program sebegini.

Dalam perbahasan kajian ini, pengkaji secara khusus membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan aktiviti pengisian ilmu terhadap saudara baru. Perbahasan tersebut merangkumi kelas pengajian al-Quran, kelas pengajian asas-asas fardu ain, kursus intensif fardu ain/khemah ibadah, kursus pemantapan akidah, majlis bacaan dan penghayatan Yasīn, majlis ilmu dan ceramah, konvensyen/muzakarah saudara baru/Muslim, kursus metodologi dakwah dan khidmat nasihat/kaunseling.

3.4.1 Kelas Pengajian al-Quran

Kelas Pengajian al-Quran yang dijalankan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kuala Lumpur menjadi asas utama dalam pembelajaran saudara baru mengenai ajaran Islam. Kelas ini diadakan untuk memberi pendedahan awal mengenai pembelajaran bacaan al-Quran serta erti yang tersurat dan tersirat di dalamnya, khususnya kepada mereka yang baru memeluk Islam.

Objektif utama pengajian al-Quran adalah seperti berikut:¹⁶

1. Memberi didikan kepada saudara baru untuk belajar membaca al-Quran dari permulaan mengenal huruf hingga secukupnya sebagai seorang Muslim.

¹⁶Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman, jam 10:55 pagi, pada 20 Ogos 2009.

2. Membimbing, membantu dan memberi dorongan kepada saudara baru agar dapat mempertingkatkan pengetahuan, amalan dan menghayati ajaran al-Quran semaksimumnya.
3. Melahirkan saudara baru celik al-Quran, bukan hanya sekadar pandai membaca malah mampu mengamalkannya.
4. Membentuk budaya al-Quran dalam diri saudara baru.

Secara umumnya, kelas pengajian al-Quran adalah secara separuh masa dan kelas intensif. Kelas pengajian ini merupakan kelas rasmi yang telah ditetapkan oleh JAWI dan merupakan tuntutan yang dikenakan bagi setiap saudara baru. Setelah mereka menamatkan pengajian serta lulus di dalam peperiksaan, para peserta (saudara baru) akan memperoleh sijil sebagai satu penghargaan dari JAWI.¹⁷

Menurut Khairunnisak Ab. Halim,¹⁸ *tenaga pengajar yang berkebolehan dan berkualiti amat penting kerana ia dapat memberi penjelasan dengan baik dan berkesan kepada saudara baru di dalam kelas pengajian al-Quran. JAWI telah memilih tenaga pengajar yang benar-benar berkelayakan dan berkemahiran dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang bersistematik di dalam kelas pengajian al-Quran kepada golongan tersebut.*¹⁹

Barisan tenaga pengajar (mubaligh lelaki), ada yang terdiri daripada imam-imam masjid yang berpengalaman luas serta memiliki tauliah kebenaran mengajar dari JAWI. Seterusnya, *kelas pengajian al-Quran dimulakan pada jam 09:00 hingga 11:00 pagi pada setiap Isnin hingga Jumaat. Kelas pengajian ini bermula dengan membaca secara*

¹⁷Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim, jam 11:30 pagi, pada 13 Mei 2009.

¹⁸Khairunnisak Ab. Halim, beliau adalah penolong pengarah di Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI dari tahun 2003 hingga (2010). Berasal dari Seberang Perai, Pulau Pinang. Beliau adalah graduan lepasan Universiti Malaya dalam jurusan Usuluddin (Major in Islamic History & Civilization) pada Ogos 2000. Beliau ditugaskan khusus mengenai aktiviti dakwah saudara baru dan memainkan peranan penting dalam mendraf, mengatur dan memastikan program-program berjalan dengan lancar serta perkara-perkara berkaitan aktiviti tersebut.

¹⁹Temu bual menerusi telefon dengan Khairunnisak Ab. Halim, jam 03:30 petang, pada 20 Nov 2009.

*beramai-ramai mengikut tunjuk ajar daripada mubaligh, kemudian mubaligh memanggil seorang demi seorang untuk membaca di hadapannya, jika terdapat kesalahan dalam pembacaan, maka ia membuat teguran serta tunjuk ajar.*²⁰

Menurut Md. Tahir Md. Yusoff,²¹ *kelas pengajian al-Quran terbahagi kepada tiga kategori, pertama kelas pengenalan huruf dan cara mengeja bacaan, kedua kelas untuk melancarkan bacaan, ketiga mereka akan memperdengarkan bacaan seorang demi seorang dan disemak oleh yang lain serta mubaligh. Jika terdapat kesalahan, mubaligh akan menegur saudara baru berkenaan supaya memperbetulkan bacaannya semula. Bagi kelas pertama dan kedua diperuntukkan satu kelas sahaja, kelas ketiga pula diperuntukkan tiga kelas kerana jumlahnya begitu ramai. Setelah selesai, sedikit jamuan ringan untuk santapan mereka.*²²

Mohamad Ab. Rahman²³ pula menjelaskan, bahawa *kelas pengajian al-Quran sangat penting kerana dapat mempelajari bacaan al-Quran mengikut hukum tajwid dan bertadurus serta dapat mempelajari isi yang terkandung di dalamnya. Bahkan dapat menghayati pengertian al-Quran dengan lebih jelas dan nyata.*²⁴

²⁰*Ibid.*

²¹Md. Tahir bin Md. Yusoff, beliau adalah seorang pendakwah (mubaligh) yang berkhidmat di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI dari tahun 2006 hingga akhir November (2010), di sebabkan umur melebihi 60 tahun. Beliau ditugaskan sebagai fasilitator dalam aktiviti pengisian ilmu dan aktiviti kebajikan. Beliau pendidikan di Maahad Muar dan Maahad Johar Baharu jalan Mahmudiah. Seterusnya beliau menyambung pelajarannya di UKM Bangi dan memiliki Diploma Psikologi Kaunseling. Beliau juga, adalah seorang yang berpengalaman luas dalam pelbagai bidang antaranya menjadi Imam masjid selama lima tahun di beberapa masjid termasuk Masjid Negara, urusan kurikulum saudara baru selama lima tahun, urusan kebajikan am di Hospital Besar Kuala Lumpur lima tahun, Unit Khidmat Nasihat (Kaunseling) selama 7 tahun di JAWI serta ahli panel kursus perkahwinan anjuran JAWI, Unit Kajian Makanan Barang Gunaan Orang Islam JAKIM, urusan minit mesyuarat Majlis Agama Islam (Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Serawak), khidmat nasihat kepada setiausaha peribadi Yang di Pertuan Agung, dan lain-lain lagi.

²²Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 10:30 pagi, pada 24 September 2009.

²³Mohamad Ab. Rahman, beliau adalah salah seorang Mubaligh Unit Saudara Baru JAWI, berkhidmat dari 2001 hingga Disember 2009 di sebabkan umur melebihi 60 tahun. Beliau berpendidikan di Maahad Muhammadi tamat empat sanawiyah serta beberapa sekolah pondok yang terdapat di Kelantan termasuk pondok Pasir Tumbuh di Kubang Kerian dan ia berasal dari Kelantan. Beliau berpengalaman luas mengenai saudara baru dan menjadi rujukan serta kaunselor.

²⁴Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman, jam 10:55 pagi, pada 20 Ogos 2009.

Nurin Tinungal Abdullah²⁵ menjelaskan, bagi yang baru mengikuti kelas pengajian al-Quran, *pertama sekali mereka diajar untuk mengenali baris-baris yang terdapat di dalam al-Quran seperti Fathāh, Kasrah, Dhommah, Sukūn dan Syaddah* (baris atas, baris bawah, baris depan, tanda mati dan sabdu). *Setelah itu, mereka akan dilatih membaca dengan huruf-huruf yang hampir sama contohnya seperti Ta dengan Tho, Sīn dengan Shīn, Sa dengan Shod. Membacanya tidak terlalu banyak bahkan hanya sedikit sahaja tetapi diulang-ulang berkali-kali.*²⁶

Menurut Zalina Abdullah,²⁷ dengan mengikuti kelas pengajian al-Quran ini beliau dapat menguasai teknik membaca al-Quran menggunakan hukum-hukum yang terdapat di dalamnya seperti *hukum nūn mati dan tanwīn, mīm mati, qholqolah dan lain-lain lagi*. Menurutnya lagi, *ustaz dan ustazah sentiasa memberi tumpuan dalam aspek bacaan, sebutan makhraj dan lain-lain lagi kerana ia amat penting jika dapat menguasainya nescaya dapat mendalami isi terkandung di dalamnya.*²⁸

Roslinda Abdullah²⁹ berpendapat, bahawa sepanjang mengikuti kelas pengajian al-Quran, beliau mendapati *saudara baru yang hadir menunjukkan kesungguhan minat untuk belajar al-Quran. Semuanya berlapang dada dan ikhlas datang semata-mata untuk belajar al-Quran yang disediakan di sini (JAWI)*. Sehubungan dengan itu, beliau mengharapkan pihak pengurusan yang mengatur kelas-kelas pengajian ini memberi komitmen dengan sepenuhnya.³⁰

²⁵Nurin Tinungal Abdullah, beliau adalah berketurunan Kadazan dan menetap Selayang Baru, Batu Caves Selangor. Memeluk Islam pada tahun 2000 di JAWI dengan sebab mencari kebenaran dalam hidup.

²⁶Temu bual dengan Nurin Tinungal Abdullah, jam 09:40 pagi, pada 16 Julai 2009.

²⁷Zalina Abdullah, beliau berketurunan Cina. Berasal dari Puchong, Selangor. Memeluk Islam Jun 2001 di JAWI dengan sebab tertarik dengan keindahan Islam.

²⁸Temu bual dengan Zalina Abdullah di JAWI, jam 09: 16 pagi, pada 16 Julai 2009.

²⁹Roslinda Abdullah, beliau adalah saudara baru berbangsa Cina yang berasal dari Cheras Kuala Lumpur. Memeluk Islam pada 1991 dengan sebab tertarik dengan amalan yang dilakukan oleh umat Islam.

³⁰Temu bual dengan Roslinda Abdullah di JAWI, jam 11: 00 pagi, pada 16 September 2009.

Kesimpulannya, secara keseluruhannya kelas pengajian al-Quran adalah amat penting dan berguna kerana ia menjadi asas utama dalam pembelajaran saudara baru mengenai ajaran Islam. Kelas ini juga dapat memantapkan lagi keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT serta membentuk akhlak yang mulia. Bahkan dapat menghakis kejahilan serta mendatangkan manfaat yang amat besar di dunia dan akhirat.

Demikian lagi, kesungguhan dan pengorbanan tenaga pengajar yang memainkan peranan penting dalam mendidik dan mengajar serta mengembangkan pengajian al-Quran kepada mereka yang masih baru dalam ilmu tersebut. Ini menunjukkan keprihatinan yang jitu terhadap mereka dalam melahirkan kecemerlangan ummah sejagat. Kajian ini juga mendapati untuk meningkatkan produktiviti kelas pengajian ini haruslah membuat penambahbaikan dari masa ke semasa untuk menjadi lebih baik dan cemerlang.

3.4.2 Kelas Pengajian Asas-asas Fardu Ain

Kelas pengajian asas-asas fardu ain, adalah untuk membantu saudara baru mempelajari perkara-perkara asas dalam ajaran Islam, supaya mereka mempunyai asas yang kukuh mengenai ajaran Islam seterusnya mampu menjadi seorang Muslim yang bertakwa. Pengisian bagi kelas ini ialah pengajian akidah, akhlak, fikah serta membaca al-Quran dan menghafaznya. Tenaga pengajar bagi kelas-kelas pengajian ini ialah mubaligh (pendakwah) yang dilantik secara kontrak. Mereka yang dilantik menjadi staf JAWI, hanya empat orang sahaja dan tenaga pengajar sambilan hanya satu orang.³¹

Tenaga pengajar yang berkhidmat di JAWI yang tetap terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan mahir dalam mengajar, mendidik dan membentuk golongan

³¹Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11:30 pagi, pada 13 Mei 2009.

saudara baru. Sehubungan dengan itu, tenaga pengajar membahagikan kelas secara anjal iaitu mengikut keperluan saudara baru. Kebanyakan daripada mereka lebih suka belajar secara berulang-ulangan.³²

Menurut Md. Zanafi Mustafa,³³ *saudara baru yang datang ke kelas pengajian akan diambil kedatangan kerana setiap seorang diberikan elaun tambang sebanyak RM 20 sehari.* Ini merupakan bantuan yang diberikan oleh JAWI bagi meringankan beban mereka. Menurutnya lagi, *kelas asas-asas fardu ain yang dijalankan adalah merupakan satu keperluan kepada mereka untuk mendalami asas-asas ilmu agama agar dapat membentuk diri, beramal dan dapat menyampaikan kepada yang lain.*³⁴

Mohamad Ab. Rahman pula menyatakan, *kelas asas-asas fardu ain merupakan tempat untuk saudara baru berbincang, melatih dan menuntut ilmu.* Jelasnya lagi, *untuk membentuk kekuatan diri, menjaga keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, mereka haruslah menghadirkan diri ke kelas-kelas pengajian yang disediakan kerana di sini ialah tempat membina kekuatan dalaman mengikut segala peraturan Islam dan sistemnya. Contohnya seperti membina roh persaudaraan yang bersifat muhibah.*³⁵

Md. Tahir bin Md. Yusoff turut menjelaskan, *kelas asas-asas fardu ain sentiasa terbuka kepada saudara baru untuk menerimanya sama ada remaja, dewasa, warga tua mahupun kanak-kanak, bahkan tidak menetapkan apa-apa syarat kepada mereka yang mengikutinya.*³⁶ Hal ini menunjukkan keprihatinan JAWI dalam menyediakan aktiviti-aktiviti yang dapat membantu golongan saudara baru serta sentiasa mencari jalan

³²*Ibid.*

³³Md. Zanafi Mustafa, beliau adalah seorang pendakwah (mubaligh) yang berkhidmat di Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI dari tahun 2008 hingga sekarang (2010). beliau berpendidikan SMKA, Seri Budiman Kuala Terengganu dari 1983 hingga 1987. Seterusnya beliau menyambung pelajaran di Madrasah al-Hidayah Tobiar, Pendang Kedah dari 1991 hingga 1992, dan menyambung pengajian di Universiti al-Azhar Mesir Pada tahun 1993 hingga 2000 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Usuluddin iaitu Akidah dan Falsafah.

³⁴Temu bual dengan Md. Zanafi Mustafa di JAWI, jam 11:40 pagi, pada 02 Oktober 2009.

³⁵Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10:55 pagi, pada 20 Ogos 2009.

³⁶Temu bual Md. Tahir bin Md. Yusoff di JAWI, jam 10:30 pagi, pada 24 September 2009.

untuk menarik minat mereka, ini membuktikan institusi ini bertanggungjawab dan memainkan peranan penting dalam menjaga kebajikan saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Menurut Sarah Abdullah,³⁷ *kelas asas-asas fardu ain ini mendedahkan kepada saudara baru mengenai amalan ibadah dan syaratnya seperti solat lima waktu, puasa, mengerjakan Haji dan sebagainya, serta akhlak dan budaya Islam secara lebih dekat dan praktikal.* Program sebegini dapat memantapkan lagi pengetahuan saudara baru melalui kelas pembelajaran dan kerja secara berkumpulan. Jelasnya lagi, *JAWI juga perlu menambahkan lagi slot seperti muhasabah diri, praktikal fardu Kifayah seperti pengurusan jenazah dan sebagainya.*³⁸

Suhaimai Abdullah Hoo³⁹ menjelaskan, *kelas asas-asas fardu ain dapat menambah ilmu agama seperti ilmu fardu Ain iaitu tauhid, fikah, akhlak disamping itu dapat beramah mesra dengan para peserta pelbagai bangsa.* Dalam program ini tenaga pengajar akan memberi penerangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan subjek yang difokuskan. Jelasnya lagi, *soal jawab dengan mubaligh bagi menjelaskan kekeliruan dan ketidakfahaman dalam pelajaran tersebut.*⁴⁰

Md. Amirul Teiwan Abdullah⁴¹ berpendapat, *kelas asas-asas fardu ain bukan sekadar dapat menimba ilmu bahkan dapat bertemu saudara Muslim dari pelbagai bangsa dan kaum untuk berkongsi pengalaman mereka sebelum memeluk Islam.* Kajian ini mendapati, program ini juga melatih solat secara berjemaah dan membuat latihan

³⁷Sarah Abdullah, beliau adalah berketurunan India yang berasal dari Perak. Beliau memeluk Islam pada 1999 di JAWI. Sebab memeluk Islam kerana faktor pergaulan dan membaca buku-buku Islam.

³⁸Temu bual dengan Sarah Abdullah di JAWI, jam 11:14 pagi, pada 26 Ogos 2009.

³⁹Suhaimai Abdullah Hoo, Beliau adalah saudara baru berbangsa Cina yang berasal Kuala Lumpur. Memeluk Islam pada bulan Mei 2006 di JAWI dengan sebab kesedaran diri kerana banyak membaca buku-buku mengenai Islam.

⁴⁰Temu bual dengan Suhaimai Abdullah Hoo di JAWI, jam 10:10 pagi, pada 26 September 2009.

⁴¹Md. Amirul Teiwan Abdullah, beliau adalah saudara baru berbangsa Iban dari Serawak. Memeluk Islam pada tahun 2007 di JAWI dengan sebab mendapat hidayah mimpi. Beliau berkhidmat sebagai anggota tentera Malaysia (ATM).

dalam kumpulan serta menjalinkan keakraban ukhuwah silaturahim di antara mereka. Menurutnya lagi, *JAWI juga perlu mengadakan program khas iaitu program keinsafan dan kesedaran diri sebagai seorang Muslim seperti malam pertama di alam barzakh, seksaan di neraka bagi mereka melakukan dosa dan lain-lain lagi.*⁴²

Kesimpulannya, kelas asas-asas fardu ain yang diprogramkan mempunyai asas yang kukuh mengenai ajaran Islam seterusnya mampu menjadi seorang Muslim yang bertakwa. Pengisian kelas ini ialah pengajian akidah, akhlak, tauhid, fikah serta membaca al-Quran dan menghafaznya. Kelas pengajian ini juga dapat membantu saudara baru bukan sekadar mendapat ilmu pengetahuan bahkan dapat menguraikan kemelut yang menjadi persoalan dalam diri mereka mengenai Islam, malah mereka dapat menjelaskan apa yang baik kepada masyarakat umum. Kajian ini mendapati kelas ini perlu ada satu tindakan alternatif untuk membuat perubahan yang terkini dari sudut teori dan praktikalnya untuk mencapai matlamat dengan lebih berkesan.

3.4.3 Kursus Intensif Fardu Ain/Khemah Ibadah

Kursus intensif fardu ain/khemah ibadah, diadakan untuk membimbing saudara baru secara intensif ke arah memahami dan menghayati ajaran Islam yang sebenar. Kursus ini juga mampu memupuk percambahan ilmu pengetahuan Islam kepada saudara baru serta dapat menangkis pandangan serong atau negatif mereka terhadap Islam.

Objektif utama kursus ini diadakan adalah untuk:⁴³

⁴²Temu bual dengan Md. Amirul Teiwan Abdullah, di JAWI, jam 09:50 pagi, pada 16 September 2009.

⁴³Temu bual dengan Hasyidah Mohd Noor di JAWI, jam 09: 45 pagi, pada 16 Julai 2009, beliau adalah penolong pengarah di Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI.

1. Memberi penerangan mengenai dokumen yang diperlukan bagi membuat pindaan di dalam kad pengenalan.
2. Memberi motivasi dan bimbingan kepada saudara baru mengenai Fardu ain.
3. Mendedahkan dan memberi keyakinan terhadap akidah Islam yang dipilih sebagai cara hidup.

Kursus intensif fardu ain dan khemah ibadah dijalankan pada setiap bulan. Ia diwajibkan kepada semua saudara baru yang baru memeluk Islam, kerana ia merupakan syarat yang telah ditetapkan untuk mendapat akuan Islam yang dikeluarkan oleh JAWI setelah menghadiri atau menyertai kursus ini. Kursus ini diadakan beberapa siri taklimat secara ringkas kepada saudara baru supaya mereka ketahui apa yang perlu dibuat (jika berkaitan) selepas memeluk Islam. Antaranya ialah taklimat mengenai dokumen yang diperlukan bagi membuat pindaan di dalam kad pengenalan.⁴⁴

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:⁴⁵

- a) Kad akuan masuk Islam
- b) Kad pengenalan
- c) Sijil kelahiran
- d) Surat perakuan sumpah-pindaan nama Islam yang dibuat di pejabat Pesuruhjaya Sumpah
- e) Berurusan di Jabatan Pendaftaran Negara melalui Perkhidmatan Program Pindaan Nama Islam di kad pengenalan yang dikendalikan oleh

⁴⁴Temu bual dengan Johar Yasan di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 23 Ogos 2009.

⁴⁵*Ibid.*

Unit/Cawangan Saudara Muslim, JAWI atau Unit dakwah saudara kita, MAIS.

- f) Hadir sendiri @ teman saudara Muslim ke Jabatan Pendaftaran Negara, Lot 2G5, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya atau di Jabatan Pendaftaran Negara, Maju Junction Mall, Tingkat 6 & 7, 1001 Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

Menurut Sarah Abdullah, *kursus intensif fardu ain dan khemah ibadah menekan perkara-perkara yang berkaitan dengan keadaan semasa.*⁴⁶ Oleh demikian, kajian ini mendapati kursus ini turut menjelaskan mengenai cara-cara (metode) untuk mendekati dan memahami serta menghayati ajaran Islam yang sebenar. Kursus ini juga dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan saudara baru dan juga tenaga pengajar. Pengisian yang terdapat dalam kursus ini ialah pengajaran mengenai asas-asas al-Quran, fardu ain dan teori serta praktikal solat lima waktu dan perkara-perkara berkaitan dengannya.

Lili Kee Abdullah⁴⁷ pula menjelaskan, *selain dari ceramah dan penerangan khusus, bengkel fardu ain diadakan juga seperti teori dan praktikal wuduk, solat dan bacaan dalam solat. Jelasnya lagi, pembentangan berkumpulan juga diadakan untuk mengetahui sejauh mana kefahaman saudara baru mengenai cara hidup mereka di dalam Islam.*⁴⁸

Kesimpulannya, matlamat kursus intensif fardu ain dan khemah ibadah ini adalah untuk memberi penerangan jelas kepada saudara baru mengenai perkara-perkara

⁴⁶Temu bual dengan Sarah Abdullah di JAWI, jam 11:14 pagi, pada 26 Ogos 2009.

⁴⁷Lili Kee Abdullah, beliau berketurunan Cina dan berasal dari Cheras, Kuala Lumpur. Beliau memeluk Islam pada tahun 1975. Memeluk Islam kerana mencari kebenaran.

⁴⁸Temu bual dengan Lili Kee Abdullah di JAWI, jam 11:20 pagi, pada 22 Julai 2009.

berkaitan dengan kemasukan mereka ke dalam Islam. Di samping itu, disusuli dengan program penghayatan Islam supaya mereka dapat menanam rasa cinta kepada Islam dan al-Quran sebagai panduan hidup, dan juga pedoman abadi serta menangkis pandangan negatif terhadap Islam. Kajian ini mendapati kursus ini perlu ditingkatkan produktivitinya dari masa ke semasa kerana banyak yang perlu diperjelaskan kepada golongan tersebut.

3.4.4 Kursus Pemantapan Akidah

Umat Islam hari ini berhadapan dengan perkembangan baru dan cabaran moden. Cabaran datang dari pelbagai sudut seperti pemikiran, hiburan, permainan, fesyen, media massa, harta benda, populariti dan sebagainya. Keadaan di arus yang mencabar ini, haruslah ditingkatkan pegangan akidah Islam iaitu keyakinan, pemikiran, tujuan, serta amalan zahir atau batin baik pada diri, keluarga, masyarakat dan negara bahkan seluruh dunia.⁴⁹

Pemantapan akidah amatlah penting dalam usaha menjadikan nilai-nilai tersebut dapat dihayati oleh setiap individu Muslim khususnya bagi golongan saudara baru. Justeru itu, bagi golongan ini yang berdaftar di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kuala Lumpur disediakan kursus pemantapan akidah bagi membantu golongan tersebut untuk memahami asas-asas akidah Islam secara menyeluruh. Dalam konteks kursus ini JAWI menyediakan pelbagai kemudahan kepada mereka antaranya infrastruktur, penceramah dan lain-lain lagi.⁵⁰

⁴⁹ Md. Asri Zainul Abidin (2008), *Mengemudi Bahtera Perubahan Minda*, Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd, h. 18.

⁵⁰ Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:25 pagi, pada 14 November 2010.

Objektif utama bagi program ini ialah:⁵¹

- i. Mendedahkan kesyumulan agama Islam serta memberikan gambaran menyeluruh.
- ii. Memberi penekanan mengenai kepentingan memantapkan ilmu akidah.
- iii. Mengeratkan silaturahim di antara saudara baru.

Peserta bagi program ini, adalah saudara baru yang pernah mengikuti dua siri dari mana-mana kursus yang dianjurkan oleh JAWI, mereka yang terpilih melalui temu duga yang diadakan layak mengikuti kursus ini. Isi kandungan kursus ini ialah ceramah, bengkel, soal jawab dan lawatan ke tempat-tempat bersejarah. Kursus ini juga merupakan kursus pengukuhan akidah bagi saudara baru untuk meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap ajaran Islam.⁵² Adapun pengajian akidah di JAWI, dikenali juga sebagai pelajaran Tauhid. Namun, kandungan isi pelajaran tersebut merangkumi prinsip-prinsip asas yang terdapat di dalam akidah iaitu rukun iman dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Kelas pengajian tersebut, telah diperuntukkan selama enam jam dalam seminggu.⁵³

Menurut Khairunnisak, *kursus pemantapan akidah terbuka kepada semua saudara baru yang berada Kuala Lumpur tidak mengira berapa lama mereka memeluk Islam. Jelasnya lagi, kursus ini dijalankan secara 'total training' di tempat-tempat yang dipilih. Ia dijalankan secara pembentangan kertas kerja dan bengkel.*⁵⁴ Oleh demikian, kajian ini mendapati, kursus ini menjelaskan mengenai pengertian iman, Islam dan ihsan

⁵¹*Ibid.*

⁵²Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11:35 pagi, pada 18 Disember 2009.

⁵³Silibus Pengajian Kursus Asas Saudara Baru tahun 2009, Dikeluarkan oleh Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI, Kuala Lumpur.

⁵⁴Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11:35 pagi, pada 18 Disember 2009.

serta huraian mengenainya satu persatu dijalankan secara berkumpulan dan dibimbing oleh seorang fasilitator untuk membincangkan setiap kertas kerja yang dibentangkan.

Nor'ani Saari⁵⁵ pula menjelaskan, *kursus ini dapat memberi kesan yang baik kepada saudara baru kerana mereka boleh mengemukakan soalan-soalan yang mereka tidak faham di dalam bengkel itu.*⁵⁶ Di samping itu, kajian ini mendapati mereka boleh membuat perbincangan untuk mencari satu inisiatif bagi mengatasi permasalahan yang timbul dan terbuka di dalam diri mereka.

Mohamad Ab. Rahman pula menyatakan, *pelbagai pendekatan kaedah digunakan di dalam kursus ini untuk membantu mereka memahami akidah Islam secara jelas dan terang menerusi perbincangan, soal jawab, tazkirah, bengkel dan lain-lain lagi.*⁵⁷ Bagi memantapkan lagi kursus ini, kajian ini mendapati mereka haruslah didedahkan dengan pelbagai kelemahan yang terdapat pada agama lain untuk dibuat perbandingan secara jelas dan nyata. Selain itu, mereka juga perlu diminta mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk yang telah dibincangkan. Justeru, dengan cara sedemikian mudah-mudahan mereka dapat memahami dengan lebih jelas mengenai kebesaran dan keesaan Allah SWT menerusi pendekatan tersebut.

Nur Suriyani Ahmad⁵⁸ menjelaskan, *kursus pemantapan akidah menjelaskan kepada saudara baru mengenai akidah Islam, amalan-amalan khurafat dan ajaran sesat yang terpesong dari akidah Islam.*⁵⁹ Kajian ini mendapati, kursus ini mengandungi banyak pengajaran yang dipertontonkan antaranya pengetahuan mengenai ajaran Islam

⁵⁵ Nor'ani Saari, beliau adalah seorang pendakwah (mubaligh) yang berkhidmat di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI dari tahun 2005 hingga 2010. Beliau berpendidikan Maahad Muhammadiyah Terengganu dari tahun 1978 hingga 1983.

⁵⁶ Temu bual dengan Nor'ani Saari di JAWI, jam 11:45 pagi, pada 18 Oktober 2009.

⁵⁷ Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10:55 pagi, pada 20 Ogos 2009.

⁵⁸ Suriyani Ahmad, beliau berketurunan Kadazan yang berasal dari Sabah dan sekarang menetap di Pandan Jaya, Cheras. Beliau memeluk Islam pada 8 Disember 2009 dengan sebab kesedaran dari kesan mengikuti tv Astro Qasis, pada bulan 12 Mac 2009 yang mengisahkan al-Masih, dari situlah saya mula mendekati dengan Islam.

⁵⁹ Temu bual dengan Suriyani Ahmad di JAWI, jam 10:50 pagi, pada 28 September 2010.

dalam mengurus kehidupan seharian, pentingnya mempelajari akidah Islam iaitu '*Rububiyah dan Uluhiyyah*' untuk menolak gangguan anasir jahat dan lain-lain lagi.

Menurut Noeashkin Sandra George,⁶⁰ *kursus pemantapan akidah dapat mendidik dan membentuk saudara baru dengan lebih berkesan. Kebanyakan mereka yang datang mengakui secara terang, memperoleh pengetahuan mengenai ilmu-ilmu berkaitan dengan akidah Islam.*⁶¹ Oleh demikian, kajian ini mendapati pengisian di dalam kursus ini berupaya memberi kesedaran kepada mereka yang hadir untuk memperbaiki diri agar berketetapan dengan tuntutan ajaran Islam.

Sarah Abdullah turut menyatakan, *kursus ini dapat memberi kesedaran iaitu betapa beruntungnya menjadi seorang Muslim dan banyak berfikir mengenai tanggungjawab sebagai seorang Muslim, sehingga timbul soalan iaitu apa yang perlu dilakukan terhadap mereka yang masih di dalam kekufuran terhadap Allah SWT.*⁶² Oleh demikian, kursus-kursus yang berkaitan dengan akidah atau tauhid haruslah diperbanyakkan lagi untuk memberi kesedaran yang mendalam kepada golongan ini supaya lebih mantapkan lagi pegangan akidah mereka.

Dari keterangan di atas dapat disimpulkan di sini bahawa kursus pemantapan akidah adalah amat penting kerana ia dapat menjelaskan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan akidah dan membuka ruang kepada saudara baru untuk berbincang serta mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan akidah sama ada *Rububiyah* atau *Uluhiyyah* dan sebagainya. Kursus ini juga membuktikan kesungguhan JAWI sebagai institusi yang bertanggungjawab. Hasil dari tinjauan, kajian ini mendapati kursus

⁶⁰ Noeashkin Sandra George, beliau berketurunan Kadazan Sabah dan menetap di Jalan Kucing Taman Batu Jinjang, Kuala Lumpur. Beliau memeluk Islam pada 18 Mei 1999 di JAWI dengan sebab mendapat hidayah hasil dari penerangan yang banyak diberikan oleh kakak mengenai ajaran Islam.

⁶¹ Temu bual dengan Noeashkin Sandra George di JAWI, jam 11:05 pagi, pada April 16 September 2010.

⁶² Temu bual dengan Sarah Abdullah di JAWI, Jam 11:14 pagi, pada 26 Ogos 2009.

ini amat penting dan perlu dijadikan program tetap bulanan, memandangkan peningkatan jumlah saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang saban hari jumlahnya bertambah besar.

3.4.5 Majlis Bacaan dan Penghayatan Surah Yasīn

Majlis bacaan dan penghayatan surah Yasīn adalah sebahagian dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan kepada saudara baru di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kuala Lumpur. Setelah membuat kajian secara langsung, pengkaji mendapati majlis ini dimulakan dengan solat berjemaah fardu Maghrib. Kemudian diikuti dengan bacaan Yasīn beramai-ramai dan tazkirah ringkas serta tafsiran ayat-ayat tersebut.

Objektif bagi majlis ini ialah untuk:⁶³

1. Mendedahkan budaya bacaan Yasīn pada malam Jumaat kepada saudara baru.
2. Melatih saudara baru supaya mahir membaca Yasīn dan membiasakan mereka membaca ayat-ayat al-Quran.
3. Mengeratkan hubungan silaturahim sesama saudara baru.

Bacaan Yasīn secara beramai-ramai sememangnya menjadi agenda tetap mingguan yang diadakan oleh JAWI. Aktiviti ini merupakan suatu bentuk ingatan umat Islam ke atas sekalian umat Islam lain yang telah kembali ke rahmatullah. Ini kerana, bacaan tersebut selain dapat memberi manfaat dan ganjaran ke atas orang yang membacanya, dengan izin Allah SWT ia juga boleh mendatangkan kebaikan

⁶³Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10:00 pagi, pada 23 Ogos 2009.

ke atas umat Islam yang telah meninggal dunia jika bacaan tersebut dihadiahkan kepada mereka.⁶⁴

Menurut Johar Yasan,⁶⁵ *pengisian majlis penghayatan Yasīn merupakan elemen penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Pembimbing memainkan peranan untuk membentuk bacaan dengan betul huruf-huruf Hijaiyah, hukum tajwid dan makhrajnya. Majlis ini juga dapat membentuk keperibadian mereka dengan nilai-nilai murni sejajar dengan kehendak ajaran Islam.*⁶⁶

Nornazirah Abdullah pula⁶⁷ menyentuh mengenai keberkesanan bacaan Yasīn pada majlis tersebut kerana didapati hanya sebahagian sahaja yang dapat mengikuti bacaan Yasīn pada majlis tersebut. Menurut beliau, *masih ramai lagi saudara baru tidak datang dalam majlis ini kerana ada kelemahan dalam diri mereka seperti tidak mengenal huruf, lambat bacaan, masih mengeja-eja dalam bacaan dan lain-lain lagi.*⁶⁸ Justeru itu, disarankan kepada pihak pengurusan agar mencari satu mekanisme untuk memantapkan lagi majlis ini supaya lebih berkesan dengan jayanya.

Zalina Abdullah pula memberi tahu, dalam majlis penghayatan Yasīn saudara baru diminta mengemukakan masalah-masalah yang mereka hadapi dalam mempelajari bacaan Yasīn. Menurut beliau, *masalah yang sentiasa ada dalam bacaan saudara baru ialah susah menyebut sesetengah makhraj huruf dengan tepat dan keliru untuk membezakan sebutan makhraj huruf pada ayat 14, 23, 33 dan ayat-ayat lain-lain*

⁶⁴*Ibid.*

⁶⁵Johar Yasan, beliau adalah seorang pendakwah (mubaligh) yang berkhidmat di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI dari tahun 2008 hingga 2010. Beliau berpendidikan di Universiti Malaya dan memiliki Diploma Usuluddin. Seterusnya menyambung pelajaran di Kolej Darul Hikmah dan memiliki diploma Usuluddin yang di iktiraf oleh MQA. Beliau amat berpengalaman berkaitan dengan motivasi, keadaan semasa dan sebagainya. Beliau pernah berkhidmat dengan Telekom Malaysia pada tahun 1972 hingga 1974, seterusnya Jabatan Kerja Raya dari 1974 hingga 1995 dan seterusnya di Kementerian Pengangkutan Jalan hingga pencen pada 2007.

⁶⁶Temu bual dengan Johar Yasan di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 23 Ogos 2009.

⁶⁷Nornazirah Abdullah, beliau berketurunan India dan berasal dari Ipoh, Perak. Beliau adalah seorang ahli perniagaan runcit di Kuala Lumpur. Memeluk Islam pada 1998 kerana kesedaran diri dan mendapat hidayah dari Allah SWT.

⁶⁸Temu bual dengan Nornazirah Abdullah di JAWI, jam 09:31 pagi, pada 22 Julai 2009.

lagi di dalam surah ini.⁶⁹ Dalam temu bual berkaitan dengan masalah ini, beliau mengakui bahawa beliau menggunakan kaedah menukar tulisan Arab kepada tulisan rumi bagi memudahkan penerimaannya terhadap bacaan Yasīn dan surah-surah tertentu di dalam al-Quran.

Menurut Nurin Tinungal Abdullah, *amalan membaca Yasīn dapat meningkatkan sebutan huruf dengan baik dari masa ke semasa kerana bacaan mubaligh nyata dan terang mudah diikuti. Jelasnya lagi, amalan ini dapat memberi kesedaran dan ketenangan kepadanya dalam erti kehidupan. Bukan sekadar sedemikian, bahkan ia dapat memberi semangat kepada beliau untuk melangkah lebih jauh lagi dalam bidang akademik dan sebagainya.*⁷⁰

Nor'ani Saari pula menegaskan, bahawa *amalan membaca Yasīn amat penting dan bermanfaat. Menurut beliau lagi, sering kali mengingatkan rakan supaya datang pada majlis ini kerana ia dapat memperbetulkan bacaan dan lancar bahkan dapat menghayati surah ini dengan lebih mendalam lagi.*⁷¹ Kajian ini mendapati, majlis ini turut diserikan dengan taklimat secara ringkas berkaitan dengan bacaan Yasīn dan keadaan perkembangan semasa dikaitkan dengan Islam supaya menjadi keperibadian Muslim yang bertanggungjawab terhadap agamanya.

Kesimpulannya, majlis penghayatan Yasīn memainkan peranan penting dalam usaha mendidik saudara baru membaca Yasīn dan celik al-Quran serta membentuk mereka mendekati dan menghayatinya dengan lebih mendalam bahkan dapat memperbaiki bacaan mereka dengan lebih lancar dan fasih serta dapat mengeratkan lagi silaturahim sesama mereka. Hasil dari tinjauan, didapati majlis ini perlu dikemas kini

⁶⁹ Temu bual dengan Zalina Abdullah di JAWI, jam 12:10 tengah hari, pada 28 September 2009.

⁷⁰ Temu bual dengan Nurin Tinungal Abdullah di JAWI, jam 09:40 pagi, pada 16 Julai 2009.

⁷¹ Temu bual dengan Nor'ani Saari di JAWI, jam 10:40 pagi, pada 23 Disember 2009.

kerana struktur bacaan tersebut hanya kepada mereka tertentu sahaja iaitu tidak merangkumi keseluruhan mereka yang hadir.

3.4.6 Majlis Ilmu dan Ceramah

Majlis ilmu dan ceramah adalah salah satu program yang di anjurkan oleh JAWI untuk mendedahkan cara hidup Islam selain memberi motivasi dan bimbingan kepada saudara baru mengenai asas-asas Islam. Antara pengisian majlis ini ialah mengenai Iman, Islam dan Ihsan yang dijalankan dalam bentuk kelas dan bengkel-bengkel khas. Antara pengisiannya ialah menerangkan fardu Ain dalam bentuk teori serta praktikal seperti wuduk, solat lima waktu, bacaan dalam solat dan lain-lain lagi.

Pendekatan yang diambil dalam majlis ini ialah ceramah dan soal jawab. Majlis ini diadakan enam kali dalam setahun iaitu setiap dua bulan sekali. Pembentangan secara berkumpulan juga turut diadakan untuk mengetahui sejauh mana kefahaman mereka dalam mengaplikasikan cara hidup berlandaskan ajaran Islam. Majlis ini diadakan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kuala Lumpur, hanya terbuka kepada saudara baru sahaja.

Objektif utama majlis ini ialah untuk:⁷²

- i. Menerapkan kefahaman Islam secara jelas kepada saudara baru.
- ii. Mengikis sangkaan buruk dan membuka minda agar mereka lebih bersifat terbuka dalam menghayati kesyumulan Islam.
- iii. Mengeratkan silaturahim dalam kalangan saudara baru secara khusus dan sesama umat Islam amnya.

⁷²Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 23 Mei 2010.

Menurut Md. Tahir Md. Yusoff, *matlamat majlis ilmu diadakan untuk melahirkan saudara baru yang bertakwa, berbudi pekerti dan mewujudkan insan yang salih tanpa mengira bangsa atau kaum.*⁷³ Kajian ini mendapati pengisian majlis ini menekankan perihal berkaitan dengan akhlak mulia sebagai hasil beriman dengan yang benar. Ini kerana hampir semua ilmu yang diajar dan disampaikan di dalam majlis ini memberi penekanan ke arah penghayatan Islam yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah, yang mana ilmu-ilmu tersebut membawa kebaikan di dunia dan akhirat.

Md. Zanafi Mustafa menyatakan, *tujuan majlis ilmu diadakan untuk memberi pendedahan mengenai asas-asas fardu ain kepada saudara baru khususnya kepada mereka yang baru mengenali Islam. Program ini membantu saudara baru mempraktikkan ajaran Islam secara amali. Contohnya cara berwuduk, bersuci, dan lain-lain lagi.*⁷⁴ Oleh demikian, kajian ini mendapati majlis ini mampu mendidik dan membentuk serta menjelaskan kepada mereka mengenai tuntutan ajaran Islam dan meningkatkan kefahaman mereka mengenainya. pelbagai usaha dilakukan oleh JAWI secara berterusan bagi membantu golongan ini supaya mereka mempunyai pengetahuan dan jati diri serta ketahanan yang kukuh dan mampu menghadapi pelbagai permasalahan yang terdapat dalam situasi semasa.

Nornazirah Abdullah menjelaskan, *ilmu-ilmu yang disampaikan sedikit sebanyak dapat membina keperibadian yang baik, mengurangkan kejahilan dan dapat menolak anasir-anasir jahat.*⁷⁵ Oleh demikian, kajian ini mendapati majlis ilmu ini membincangkan mengenai hukum halal dan haram, solat, puasa, zakat, haji, hukum jual beli, nikah cerai dan masalah-maslah yang berkaitan dengan isu semasa. Seterusnya

⁷³Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:15 pagi, pada 20 Nov 2010.

⁷⁴Temu bual dengan Md. Zanafi Mustafa di JAWI, jam 10:55 pagi, pada 18 Oktober 2009.

⁷⁵Temu bual dengan Nornazirah Abdullah di JAWI, jam 10:30 pagi, pada 14 Ogos 2009.

membuka soal jawab untuk menjelaskan kepada mereka supaya dapat memahami perkara-perkara berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan.

Zalina Abdullah pula berpendapat, bahawa *majlis ilmu amat penting dan perlu ditingkatkan kerana ia dapat membantu saudara baru meningkatkan ilmu pengetahuan bahkan dapat membimbing mereka untuk melakukan amalan-amalan yang dituntut di dalam Islam dengan lebih baik dan sempurna.*⁷⁶ justeru, majlis ini lebih memfokuskan mengenai fardu ain iaitu ilmu yang wajib dipelajari dan diamalkan oleh setiap individu Muslim. Dalam majlis ini, penceramah menghurai dan membincangkan mengenai tuntutan hukum fikah, menerangkan mengenai akhlak dan lain-lain lagi.⁷⁷

Abdurrahman Nawas menekankan mengenai ilmu pengetahuan sebagai sesuatu yang amat penting. Hal ini dapat dibuktikan dengan merujuk kepada ajaran Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Menurut beliau lagi, Islam telah memerintahkan umatnya mencari ilmu pengetahuan supaya kehadiran mereka sebagai manusia di bumi ini mampu memenuhi ciri-ciri kepentingan biologi manusia itu sendiri sebagai khalifah Allah SWT. Islam juga telah menyuruh umatnya menjadi seorang manusia yang terpelajar dan berguna supaya dapat mengambil tempat yang sewajarnya sebagai khalifah Allah SWT (pemimpin sekalian alam semesta) yang benar-benar dikehendaki.⁷⁸

Dalam Islam jelas menunjukkan bahawa tidak ada pertentangan di antara Islam dan Ilmu Pengetahuan. Bahkan Islam itu sendiri mengandungi banyak ilmu pengetahuan. Agama Islam merupakan agama yang cinta kepada ilmu, bahkan menyuruh penganutnya mencari ilmu di mana sahaja seorang itu berada tanpa kira faktor umur, tempat dan pangkat. Islam juga menyuruh mereka memperkembangkan ilmu

⁷⁶Temu bual dengan Zalina Abdullah di JAWI, jam 12:10 pagi, pada 28 September 2009.

⁷⁷Temu bual dengan Zalina Abdullah di JAWI, jam 12:10 pagi, pada 28 September 2009.

⁷⁸Abdurrahman Nawas, DKK (1995), *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Hj. Ab. Majid, h. 70.

untuk dimanfaatkan kepada semua manusia di muka bumi ini. Ilmu yang dituntut oleh Islam tidak hanya terbatas pada ilmu ibadah saja, bahkan merangkumi semua aspek termasuk urusan pentadbiran keduniaan dan sebagainya.⁷⁹

Kesimpulannya, majlis ilmu adalah sangat penting dan berguna dalam proses pembelajaran dan pengajaran bagi setiap individu Muslim lebih-lebih lagi bagi mereka yang baru menganut Islam iaitu saudara baru. Majlis ini juga dapat menjawab dan menjelaskan masalah-masalah yang bermain di minda golongan tersebut serta mencari alternatif yang terbaik untuk mengatasinya. Justeru, kajian ini juga mendapati program yang dijalankan lebih memberi tumpuan terhadap aspek teorinya sahaja. Oleh demikian, ia perlu ditingkatkan keseimbangan dalam aspek praktikalnya untuk menjadikan majlis ini dengan lebih berkesan dan mantap.

3.4.7 Konvensyen/Muzakarah Saudara Baru/Muslim

Konvensyen atau muzakarah saudara baru ini diadakan sebagai peringatan atau muzakarah kepada saudara baru mengenai Islam. Konvensyen ini diadakan dua atau tiga kali dalam setahun mengikut keperluan keadaan semasa. Setiap konvensyen diadakan, objektifnya adalah berbeza kerana pelaksanaannya berpandukan keadaan semasa. Walau bagaimanapun, maksud konvensyen ini diadakan adalah sama iaitu untuk membantu mereka yang bermasalah, memberi nasihat/kaunseling, motivasi dan lain-lain lagi supaya mereka dapat membina kekuatan baru dalam menempuh

⁷⁹*Ibid.*

pelbagai masalah dan cabaran yang sedia ada ataupun mendatang serta memupuk jalinan ukhuwah sesama mereka.⁸⁰

Setiap kali konvensyen diadakan, dilengkapi dengan perasmian oleh VIP tertentu sama ada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pengarah JAKIM ataupun pengarah JAWI sendiri. Agenda berikutnya diteruskan dengan ceramah agama yang disampaikan oleh pendakwah jemputan yang berkaliber untuk menyampaikan ceramahnya mengenai sirah-sirah nabi terdahulu dikaitkan dengan keadaan semasa sebagai penambahan ilmu kepada mereka yang hadir khususnya saudara baru mengenai sejarah Islam dengan lebih jelas, tepat dan benar serta mengambil iktibar dari pengajaran sirah-sirah tersebut.⁸¹

Menurut Md. Zanafi Mustafa, *konvensyen ini diisi dengan pembentangan kertas kerja oleh ahli panel yang mengambil bahagian untuk menjelaskan perkara-perkara berkaitan dengan Islam, memaparkan perkembangan terkini, menerangkan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dan membuka soalan kepada mereka yang musykil untuk dijawab. Ahli panel terdiri daripada ilmuwan, saudara baru dan lain-lain lagi. Selain itu, majlis ini turut mengadakan persembahan nasyid, cabutan bertuah, penyampaian hadiah, jamuan tengah hari dan lain-lain lagi.*⁸²

Muhammad Yusof Abdullah⁸³ pula menyifatkan, *konvensyen ini sebagai usaha murni haruslah diteruskan pada masa akan datang supaya memberi peluang kepada saudara baru untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, dapat memperkukuhkan*

⁸⁰Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:15 pagi, ada 20 November 2010.

⁸¹*Ibid.*

⁸²Temu bual dengan Md. Zanafi Mustafa di JAWI, jam 11:10 pagi, pada 20 Oktober 2009.

⁸³Muhammad Yusof Abdullah, beliau adalah saudara baru berketurunan India yang berasal dari Kuala Lumpur. Beliau berkhidmat sebagai sukarelawan Polis dan RELA. Memeluk Islam pada tahun 2000 di JAWI dengan sebab tertarik dengan masyarakat Islam di Malaysia.

*silaturahmi di antara mereka, bertukar maklumat, pendapat dan panduan sebagai seorang Muslim yang bertakwa.*⁸⁴

Roslinda Abdullah turut menyatakan, *dengan adanya konvensyen atau muzakarah saudara baru ini, sedikit sebanyak dapat mengubah tanggapan tidak baik masyarakat Islam terhadap saudara baru.*⁸⁵ Beliau juga menyeru kepada saudara baru supaya mengikis perasaan malu untuk belajar mendalami ajaran Islam khususnya pengajian al-Quran kerana perlu ada peningkatan daripada sebelum memeluk Islam dan selepas bergelar Muslim, baik dari segi ilmu pengetahuan, akhlak atau sebagainya.⁸⁶

Lili Kee Abdullah berpendapat, *pengisian konvensyen ini secara keseluruhannya adalah ilmiah. Sedikit sebanyak dapat membantu untuk mengatasi masalah saudara baru dan banyak manfaat yang dapat diambil dari majlis ini, contohnya seperti akhlak, akidah, pengetahuan umum mengenai Islam dan sebagainya.*⁸⁷ Kajian ini mendapati majlis ini juga menampakkan kehebatan dan keistimewaan Islam dalam tatapan umum kerana tidak membezakan keturunan, harta, warna kulit, mahupun saiz fizikal sesuatu kaum. Justeru, konvensyen ini perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa supaya ia lebih mantap dan berkesan.

Kesimpulannya, majlis konvensyen atau muzakarah saudara baru ini amat penting untuk memberi kesedaran dan kekuatan serta semangat kepada golongan ini dari pelbagai aspek. Di samping itu, dapat membentuk mereka mengikut acuan Islam yang lengkap dan sempurna dengan jayanya. Kajian ini mendapati majlis

⁸⁴Temu Bual dengan Muhammad Yusof Abdullah di JAWI, jam 09:30 pagi, pada 26 Ogos 2009.

⁸⁵Temu bual dengan Roslinda Abdullah di JAWI, jam 10:50 pagi, pada 22 September 2009.

⁸⁶*Ibid.*

⁸⁷Temu bual dengan Lili Kee Abdullah di JAWI, jam 11:20 pagi, pada 22 Julai 2009.

konvensyen ini perlu memberi pendedahan lebih meluas terhadap aspek-aspek berkaitan dengan tanggungjawab sebagai seorang Muslim yang bertakwa.

3.4.8 Kursus Metodologi Dakwah

Dalam konteks kursus metodologi dakwah, pihak pengurusan JAWI telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan kursus ini bagi tujuan melatih saudara baru menjadi pendakwah. Kursus ini juga memperlihatkan gerak kerja dakwah yang dilakukan bagi memastikan metode yang diterapkan sesuai dan bertepatan dengan kondisi sasaran. Antaranya latar belakang sasaran, sensitiviti masyarakat, kepentingan masyarakat dan lain-lain lagi.

Objektif utama kursus ini ialah untuk:⁸⁸

- i. Melahirkan pendakwah dalam kalangan saudara baru.
- ii. Memberi bimbingan terbaik kepada saudara baru yang potensi untuk mendalami ilmu Islam.
- iii. Membentuk satu kelompok dalam kalangan saudara baru yang ikhlas dalam menunaikan kerja-kerja Islam.

Menurut Khairunnisak, *jangka masa kursus metodologi dakwah ialah tiga hari, peserta terdiri daripada saudara baru yang berpotensi menjadi pendakwah. Pengisian kursus ini pula, adalah dalam bentuk ceramah, praktikal, bengkel, qiamullail dan riadah. Jelasnya lagi, misi kursus ini ialah untuk melatih saudara baru yang berpotensi supaya dapat bergerak dan membantu pendakwah yang sedia ada dengan lebih baik dan bersikap tanggungjawab sebagai pendakwah untuk mengembangkan ajaran*

⁸⁸Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11:30 pagi, pada 13 Mei 2009.

*Islam kepada masyarakat umum sama ada masyarakat Islam sedia ada, masyarakat non-Muslim ataupun golongan saudara baru.*⁸⁹

Mohamad Ab. Rahman menjelaskan, *kursus metodologi dakwah melibatkan pendakwah jemputan untuk menjadi ahli panel sebagai penyampai mesej dan teknik-teknik dakwah yang bersesuaian. Pendakwah juga akan menjelaskan secara mendalam mengenai kaedah dakwah bil al-Hāl.*⁹⁰

Pendekatan dakwah *bil al-Hāl* iaitu dakwah yang dijalankan dengan menunjuk contoh teladan yang baik melalui perbuatan, sikap, pandangan, tingkah laku yang positif dan kerja-kerja amal yang dilakukan serta aktiviti sosial. Pendekatan ini meliputi penghayatan ilmu, iman dan amal, merapatkan hubungan silaturahim, bersifat fleksibel dengan penuh hikmah, berketerampilan peribadi dengan akhlak mulia serta melakukan amar makruf dan nahi mungkar.⁹¹

Md. Tahir bin Md. Yusoff pula menyatakan, *pihak pengurusan JAWI sentiasa membuat pemerhatian dan pemantauan dalam perlaksanaan kursus metodologi dakwah ini. Jika kursus ini belum mencapai matlamat yang dikehendaki, ia akan dikemaskini pada kursus berikutnya.*⁹²

Dara Abdullah⁹³ berpendapat, *kursus metodologi dakwah ini amat penting kerana ia berperaturan dan lengkap dengan penjelasannya contohnya cara pergaulan, bahagi masa, tingkah laku baik, cara bercakap dengan hikmah dan lain-lain lagi.*⁹⁴

⁸⁹*Ibid*, Jam 11:00 am, pada 23 Mei 2010.

⁹⁰Temu bual dengan Ustaz Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10:00 pagi, pada 23 Ogos 2009.

⁹¹Ab. Aziz Mohd Zin *et. al.*, (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur, penerbit: Universiti Malaya, h. 106-107.

⁹²Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:15 pagi, pada 20 November 2010.

⁹³Dara Abdullah, berbangsa Iban Sarawak. Beliau memeluk Islam pada tahun 1975 dengan sebab terpengaruh pergaulan dengan masyarakat Melayu dan tinggal di Bandar Tun Razak Ceras, Kuala Lumpur.

⁹⁴Temu bual dengan Dara Abdullah di JAWI, jam 11:10 pagi, pada 23 Julai 2009.

Kajian ini juga mendapati kursus ini perlu dipertingkatkan dari sudut praktikalnya kerana ia adalah satu bentuk latihan secara langsung dan amat sesuai diterapkan di dalam diri setiap saudara baru yang mengikutinya.

Roslinda Abdullah berpendapat, *kursus metodologi dakwah mengajar cara-cara berdakwah secara matang melalui keindahan dan kesucian Islam kepada masyarakat sama ada masyarakat itu non-Muslim atau sebaliknya mengikut teori terkini.*⁹⁵ Kajian ini mendapati dakwah pada masa kini memerlukan penjanaaan pemikiran yang lebih dinamik, serta tidak dinafikan pendekatan dakwah klasik berdasarkan amalan Rasulullah SAW dan para sahabat r.a. Perkembangan dunia pada masa kini, dengan pelbagai cabaran sosial globalisasi sangat memerlukan mekanisme dan idea terkini dalam penjanaaan usaha-usaha dakwah kepada masyarakat Islam, saudara baru ataupun kepada masyarakat *non-Muslim*.

Menurut Ab. Aziz Md. Zin, dakwah hendaklah dilakukan dengan menggunakan cara atau metode yang boleh mempengaruhi sasaran. Antara metode yang dikenal pasti yang bersesuaian dengan dakwah masa kini ialah dakwah *bil al-Hāl* atau metode penonjolan keperibadian yang baik serta bersesuaian dengan keadaan semasa. Jelasnya lagi, dakwah secara umumnya dengan makna bangkit para ulama untuk menyampaikan ajaran Islam kepada manusia dan mengajar mereka mengenai perkara-perkara berkaitan dengannya serta menjelaskan kepada mereka mengenai kehidupan di dunia mengikut panduan yang telah di drafkan dalam ajaran Islam sekemampuannya.⁹⁶

Kesimpulannya, JAWI mengambil inisiatif untuk mengadakan kursus metodologi dakwah bagi melatih saudara baru menjadi pendakwah. Kursus ini

⁹⁵Temu bual dengan Roslinda Abdullah di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 16 September 2009.

⁹⁶Ab. Aziz Md. Zin, *et al.*, (2006), *op. cit.* h. 96-97.

memperlihatkan gerak kerja dakwah yang dijalankan berpandukan metode-metode yang bersesuaian dan bertepatan dengan kondisi sasaran. Demikian lagi, pendekatan diambil dalam kursus ini ialah dakwah *bil al-Hāl* yang bersifat fleksibel dengan penuh hikmah, berketerampilan dan sebagainya.

Matlamat kursus ini diadakan, adalah untuk melatih mereka yang berpotensi untuk bergerak aktif membantu pendakwah yang sedia ada dengan lebih cemerlang di masa akan datang. Hasil kajian ini mendapati kursus ini perlu membuat perubahan dan peningkatan dari masa ke semasa memandangkan kemajuan pada masa kini begitu pantas dan canggih.

3.4.9 Khidmat Nasihat/Kaunseling

Kemunculan teori kaunseling Islam adalah bertujuan untuk membantu klien memahami diri sendiri dan menyesuaikan diri dengan persekitaran serta orang lain dalam membentuk individu ke arah kekamilan dan kehidupan yang sempurna.⁹⁷ Fokus perkhidmatan kaunseling Islam bukan hanya tertumpu pada individu yang menghadapi masalah tetapi juga keseluruhan pembangunan dan peningkatan umat manusia dari segi pembentukan peribadi yang dituntut oleh agama dan masyarakat serta memenuhi matlamat sosial, pendidikan dan kerjaya.⁹⁸

Kajian mengenai khidmat nasihat dan kaunseling ini telah dijalankan di JAWI dan didapati khidmat ini terhadap saudara baru diadakan bagi membantu mereka yang bermasalah seperti mahu keluar dari agama Islam, penceraian, masalah tidak ada pekerjaan, masalah dalam pekerjaan, masalah tekanan dari keluarga, birokrasi

⁹⁷ Abdul Manan Mulla Bar (1990), *Kaunseling Dalam Konteks Budaya Islam, Satu Teori Peribadi Mengenalinya*, Terjemahan Ishamuddin Hj. Ismail, Kuala Lumpur (1996): Nurin Interprise, h. 44.

⁹⁸ Nur Aini Md. Yaman, *Teknik-Teknik Kaunseling (Ditinjau Dari Persepektif Islam)*, Kertas Kerja Seminar ke Arah Pemupukan Islam Di Dalam Kaunseling Pada 2-4 Ogos 1988 Anjuran Pusat Kerjaya dan Kaunseling IM bertempat Hyatt Saujana Subang, Subang Jaya Selangor, h. 4.

dan lain-lain lagi. Khidmat ini dilaksanakan lebih bersifat nasihat terhadap saudara baru bagi mencari satu alternatif untuk merungkai permasalahan mereka.

Matlamat khidmat ini ialah:⁹⁹

1. Masalah dapat dikesan dan diatasi pada peringkat awal.
2. Membantu saudara baru menangani konflik/ *stress*.
3. Memahami peranan dan tanggungjawab.
4. Mengubah sikap atau tingkah laku yang negatif.
5. Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan jati diri.
6. Mengharmonikan perhubungan antara satu sama lain.
7. Memahami diri sendiri dan orang lain yang signifikan (ada kaitan rapat).
8. Mempertingkatkan kemahiran diri.
9. Membina sikap *asertif* (berterus terang) serta keyakinan diri.
10. Mengenal pasti masalah serta memilih alternatif dan bertanggungjawab terhadap keputusan yang diambil serta merujuk masalah kepada institusi yang tepat.

Khidmat nasihat dan kaunseling ini, digembleng oleh mubaligh (pendakwah) yang berpengalaman terhadap saudara baru yang bermasalah untuk diberi nasihat, kaunseling, motivasi dan lain-lain lagi. Khidmat ini sangat penting kerana ia dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh golongan tersebut.¹⁰⁰

Menurut Md. Tahir bin Md. Yusoff, *khidmat nasihat dan kaunseling biasanya saudara baru akan lebih mudah untuk menceritakan masalah-masalah yang mereka*

⁹⁹Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10: 40 pagi, pada 25 Ogos 2009.

¹⁰⁰*Ibid.*

*hadapi. Mubaligh perlu terlebih dahulu menarik perhatian mereka supaya mereka tidak merasa malu atau janggal untuk bertukar pendapat.*¹⁰¹

Kebiasaannya pada peringkat permulaan, *mubaligh akan memujuk mereka untuk menceritakan masalah dan puncanya sahaja. Kemudian mubaligh mencadangkan dan menasihati mereka cara untuk mengatasi masalah mengikut keadaan dan puncanya. Jelasnya lagi, mubaligh tidak berhak memaksa mereka menceritakan masalah mereka dan menerima cadangan serta nasihatnya dan sentiasa menjaga rahsia mereka agar tidak diketahui yang lain.*¹⁰²

Muhammad Yusof Abdullah menyatakan, *khidmat ini memberi peluang kepada saudara baru untuk meluahkan isi hati yang terpendam dan memberitahu masalah-masalah yang mereka dihadapi untuk dinasihatkan.*¹⁰³ Kajian ini mendapati dengan adanya khidmat ini dapat membantu mereka menyelesaikan masalah dan keluar dari kesulitan serta cabaran yang dihadapi semenjak menganut Islam.

Suhaimai Abdullah Hoo berpendapat, *setiap saudara baru berlainan. Ada yang lebih suka untuk berkongsi masalah dengan yang lain dan ada pula menyelesaikan masalah secara sendiri. Jelasnya lagi, pernah meminta khidmat ini beberapa kali untuk berbincang dan diberi nasihat, hasil dari khidmat tersebut beliau dapat menenangkan diri dan kembali normal seperti biasa.*¹⁰⁴ Justeru, dalam pelbagai senario yang wujud dalam kehidupan harian, khidmat nasihat dan kaunseling boleh membantu seseorang menangani cabaran-cabaran yang dihadapi secara lebih berkesan.

¹⁰¹ Temu bual dengan Md. Tahir bin Md. Yusoff di JAWI, Jam 11:15 pagi, pada 20 Nov 2010.

¹⁰² *Ibid.*

¹⁰³ Temu bual dengan Muhammad Yusof Abdullah di JAWI, jam 11:30 pagi, pada 28 September 2010

¹⁰⁴ Temu bual dengan Suhaimai Abdullah Hoo di JAWI, jam 11:55 pagi, pada 28 September 2009.

Md. Isa Abdullah¹⁰⁵ pernah tiga kali mendapatkan khidmat nasihat/kaunseling, beliau berpendapat *khidmat ini untuk membantu saudara baru membuat pilihan yang betul*.¹⁰⁶ Kajian ini mendapati, khidmat ini merupakan satu proses bertemu secara individu atau kelompok kecil dalam meneroka masalah dan mengenal pasti jalan penyelesaiannya melibatkan temu bual secara bersama. Selain itu, khidmat ini merupakan kaedah penyelesaian secara praktikal berkaitan masalah dalam kehidupan seharian, pekerjaan dan sebagainya.

Kesimpulannya, khidmat nasihat atau kaunseling ini sangat penting dalam proses membantu menyelesaikan masalah secara sistematik dan beretika. Asas bagi proses ini ialah perhubungan antara mubaligh dengan saudara baru. Hasil dari proses ini saudara baru dapat membuat keputusan yang tepat. Hasil kajian ini mendapati khidmat ini perlu menempatkan fasilitator khas untuk memfokuskan perkhidmatan kaunseling terhadap saudara baru sepenuhnya.

3.5 Aktiviti Sambutan Keagamaan

Bagi menambah keyakinan keislaman saudara baru, pihak JAWI mengadakan aktiviti sambutan keagamaan agar mereka dapat mengetahui dan mengambil manfaat dari aktiviti tersebut serta dapat menggambarkan keistimewaan Islam dengan lebih jelas dan terang. Seterusnya, aktiviti sambutan ini akan membincangkan dengan lebih terperinci mengenai majlis penghayatan Ramadhān, majlis sambutan Aidilfitri, majlis sambutan Maal Hijrah, majlis sambutan Maulidur Rasul dan majlis sambutan Isra' dan Mi'raj.

¹⁰⁵Md. Isa Abdullah, beliau berketurunan India yang berasal dari Cheras, Kuala Lumpur dan masih menetap di tempat tersebut. Beliau memeluk Islam pada tahun 1984 kerana mendapati Islam adalah agama yang sebenar. Kemudian disusuli isteri dan semua anak-anaknya seramai tiga orang.

¹⁰⁶Temu bual dengan Md. Isa Abdullah di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 16 September 2010.

3.5.1 Majlis Penghayatan Ramaḍhān

Majlis penghayatan Ramaḍhān diadakan pada setiap Ramaḍhān bagi setiap tahun. Pendekatan yang diambil dalam majlis ini ialah, tazkirah, majlis berbuka puasa, solat maghrib dan isyak secara berjemaah serta tarawih. Majlis ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama mereka.¹⁰⁷

Nor'ani Saari menjelaskan, *bulan ini banyak keistimewaan dan penuh keberkatan. Pihak JAWI juga memilih satu hari yang sesuai untuk mengadakan majlis berbuka puasa secara besar-besaran yang melibatkan kehadiran tetamu kehormat, saudara baru dan juga penglibatan masyarakat umum. Tujuan majlis ini diadakan untuk memeriahkan suasana di bulan Ramaḍhān, memberi penghargaan kepada saudara baru kerana mengerjakan ibadah puasa dan mengeratkan silaturahim sesama Islam serta memerihkan majlis ini.*¹⁰⁸

Md. Tahir bin Md. Yusoff menyatakan, *bulan Ramaḍhān menyimpan peristiwa penting dan hikmah serta keberkatan buat sekalian manusia. Umat Islam diwajibkan berpuasa dan berlaku peristiwa turunnya ayat al-Quran yang pertama kepada Nabi Muḥammad SAW pada malam 17 Ramaḍhān. Bulan ini juga telah berlaku peperangan Badar*¹⁰⁹ iaitu peperangan yang pertama di dalam sejarah Islam.

Menurut Khairunnisak Ab. Halim, *setiap bulan Ramaḍhān JAWI mengadakan majlis penghayatan Ramaḍhān untuk melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat Islam terutamanya kepada saudara baru.*¹¹⁰ Kajian ini mendapati majlis ini dapat mengeratkan lagi silaturahim antara saudara baru dengan masyarakat Islam

¹⁰⁷ Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:15 pagi, pada 20 Nov 2010.

¹⁰⁸ Temu bual dengan Nor'ani Saari di JAWI, jam 10:40 pagi, pada 23 Disember 2009.

¹⁰⁹ Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:25 pagi, pada 14 Nov 2010.

¹¹⁰ Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11:35 pagi, pada 18 Disember 2009.

sekeliling di samping dapat berkongsi maklumat dan bertukar-tukar pendapat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan bulan Ramaḍhān iaitu bulan yang diwajibkan untuk berpuasa bagi setiap umat Islam.

Md. Tahir bin Md. Yusoff pula menjelaskan, *pada majlis ini dijemput semua saudara baru yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk berbuka puasa serta mengikuti program-program yang telah diaturkan. Tentatif program ialah tazkirah, berbuka puasa, solat fardu maghrib berjemaah, makan malam, solat fardu imsak berjemaah, solat sunat tarawih berjemaah lapan rakaat, ucapan Pengarah JAWI, jamuan ringan seterusnya majlis bersurai.*¹¹¹

Md. Amirul Teiwan Abdullah berpendapat, *Tazkirah yang diberikan pada majlis ini, menjelaskan perkara-perkara yang perlu dilakukan untuk melatih diri iaitu bersabar, ikhlas, menjaga kesihatan fizikal, mengawal keinginan diri dan menyentuh mengenai cabaran dan dugaan umat Islam masa kini.*¹¹²

Menurut Zalina Abdullah, *setiap kali berada di majlis penghayatan Ramaḍhān ini amat terharu kerana satu penghargaan yang besar diberikan kepada saudara baru. Jelasnya lagi, setiap mereka akan diberi sumbangan dalam bentuk wang dan bantuan iaitu pakaian, makanan dan lain-lain lagi. Di samping itu, banyak zakat-zakat fitrah diterima sama ada dalam bentuk wang atau beras pada majlis tersebut.*¹¹³

Kesimpulannya, majlis penghayatan Ramaḍhān diadakan adalah untuk mengimarahkan bulan Ramadhan yang penuh keberkatan serta memberi penghargaan kepada saudara baru kerana mereka dapat menunaikan tuntutan puasa di bulan ini

¹¹¹Temu bual dengan Md. Tahir bin Md. Yusoff di JAWI, jam 11:15 pagi, pada 20 Nov 2010.

¹¹²Temu bual dengan Md. Amirul Teiwan Abdullah di JAWI, jam 09:50 pagi, pada 16 September 2009.

¹¹³Temu bual dengan Zalina Abdullah di JAWI, jam 12:10 tengah hari, pada 28 September 2009.

dengan penuh kesabaran. Majlis ini juga, dapat memberi rangsangan kepada mereka untuk terus mengamalkan segala ibadah yang dituntut di dalam Islam. Hasil dari kajian ini mendapati, majlis ini haruslah ditingkatkan dari masa ke semasa kerana ia sangat penting untuk memberi dorongan dan rangsangan kepada mereka supaya dapat membina kekuatan jati diri dengan lebih teguh dan mantap.

3.5.2 Majlis Sambutan Aidilfitri

Majlis sambutan Aidilfitri ini diadakan di Dewan Jejantas, Menara Pusat Islam, Kuala Lumpur. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk beramah mesra sesama Muslim supaya mengeratkan lagi silaturahim. Kebiasaannya, majlis ini disempurnakan oleh Pengarah JAWI. Selain itu, disediakan jamuan hari raya dan banyak acara diadakan pada majlis tersebut seperti menyampaikan sumbangan hari raya, hadiah cabutan nombor bertuah, persembahan nasyid dan lain-lain lagi.¹¹⁴

Md. Tahir Md. Yusoff menyatakan, *majlis sambutan Aidilfitri diadakan, untuk memperkukuhkan ikatan silaturahim sesama saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan meraikan saudara baru kerana berjaya menunaikan ibadah puasa selama sebulan di bulan Ramaḍhān agar dapat sama-sama merasai kemeriahan sambutan Aidilfitri dan menikmati juadah yang disediakan untuk menikmatinya serta beramah mesra serta bermaaf-maafan antara satu sama lain sempena Aidilfitri yang mulia ini.*¹¹⁵

Muhammad Yusof Abdullah menjelaskan, *majlis ini merupakan satu usaha untuk menyatukan golongan saudara baru yang kebanyakannya terdiri daripada pelbagai latar belakang kehidupan sama ada daripada sudut keturunan, budaya,*

¹¹⁴Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 23 Mei 2010.

¹¹⁵Temu bual dengan Md. Tahir bin Md. Yusoff di JAWI, jam 11:15 pagi, pada 20 Nov 2010.

*bahasa, pendidikan dan sebagainya.*¹¹⁶ Kajian ini mendapati majlis ini juga dapat memperlihatkan cara Islam membentuk dan membina penyatuan atas dasar agama, meskipun latar belakang mereka berkepelbagaian namun penyatuan tetap utuh.

Suhaimai Abdullah Hoo pula berpendapat, *majlis sambutan Aidilfitri menunjukkan cara umat Islam menyambut kegembiraan dan kejayaan, berbeza dari cara dari yang lain menyambut perayaannya. Menurutnya lagi, umat Islam ada adab, sopan dan peraturan.*¹¹⁷

Zalina Abdullah turut menyatakan, *setiap kali majlis sambutan Aidilfitri ada perubahan dan perkembangan baik dari segi kerjasama dan sebagainya.*¹¹⁸ Ini menunjukkan JAWI sentiasa membuat perubahan dan prihatin dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada saudara baru untuk mereka meningkatkan pengetahuan Islam serta keyakinan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Dari keterangan di atas, dapat disimpulkan di sini bahawa majlis sambutan Aidilfitri amatlah penting dan bermakna kepada saudara baru kerana mereka tidak dipinggir dan diabaikan oleh JAWI, bahkan dapat memperkukuhkan ikatan silaturahim sesama mereka. Majlis ini juga, membuktikan bahawa JAWI sebagai institusi yang bertanggungjawab dan memainkan peranan penting dalam usaha mempelbagaikan aktiviti dakwah terhadap saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini mendapati, majlis ini lebih memberi tumpuan terhadap aspek-aspek yang berkaitan jamuan Aidilfitri dan sumbangannya. Justeru, untuk meningkatkan kualiti majlis ini haruslah dilengkapi dengan program-program ilmiah yang berkaitan dengan majlis tersebut.

¹¹⁶Temu bual dengan Muhammad Yusof Abdullah di JAWI, jam 11:30 pagi, pada 28 September 2010.

¹¹⁷Temu bual dengan Suhaimai Abdullah Hoo di JAWI, jam 11:55 pagi, pada 28 September 2009.

¹¹⁸Temu bual dengan Zalina Abdullah, jam 09:16 pagi, pada 16 Julai 2009.

3.5.3 Majlis Sambutan Maal Hijrah

Majlis sambutan Maal Hijrah ini diprogramkan pada setiap tahun. Maal Hijrah atau juga dikenali sebagai Awal Muharam, merupakan sambutan tahun baru mengikut perkiraan kalender Islam. Sehubungan dengan itu JAWI mengadakan sambutan ini dengan berbagai-bagai bentuk pengisian yang berfaedah kepada saudara baru untuk menyambut hari kebesaran Islam atas sikap prihatin dan bertanggungjawab ke atas golongan tersebut.¹¹⁹

Objektif utama program ini ialah untuk:¹²⁰

1. Mengajak masyarakat khususnya saudara baru untuk mengimbas kembali sejarah penghijrahan Rasulullah SAW dan para sahabat pada zaman dahulu.
2. Mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat perpaduan saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
3. Meningkatkan imej dan syiar Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Antara pengisian program sambutan Maal Hijrah ialah:

- Kudapan ringan.
- Ucapan perasmian Pengarah JAWI.
- Ceramah agama/forum.
- Jamuan tengah hari.
- Persembahan puisi dan nasyid.
- Penyampaian tokoh maal hijrah saudara baru.

¹¹⁹Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 23 Mei 2010.

¹²⁰*Ibid.*

Majlis sambutan Maal Hijrah amat meriah dan tidak boleh dilihat sebagai suatu pembaziran atau suatu kerja sia-sia kerana jika dilihat dari sudut positifnya sambutan tahun baru Islam perlu diberikan publisiti yang lebih meluas agar umat Islam pada masa kini tidak mengabaikan perkiraan tarikh-tarikh penting berlandaskan Islam. Majlis ini amat penting dalam usaha memberi pendedahan dan menyalurkan maklumat mengenai hari kebesaran Islam kepada saudara baru, agar setiap daripada mereka memahami, menghormati dan menghayati pengisian hari kebesaran tersebut.¹²¹

Menurut Md. Zanafi Mustafa, *majlis ini implikasinya sangat besar kepada kebangkitan dan perkembangan Islam bahkan hijrah adalah sebagai titik permulaan untuk berubah dalam hidup seseorang khususnya saudara baru. Jelasnya lagi, memperingati peristiwa Hijrah pada setiap tahun sangat baik bahkan pihak JAWI telah mengkaji secara teliti di sebalik peristiwa agung dengan kaitan majlis ini agar mengandungi pengajaran dan petunjuk kepada saudara baru.*¹²²

Nornazirah Abdullah berpendapat, *setiap kali mengikuti majlis ini beliau merasakan bersemangat untuk meningkatkan kualiti sebagai seorang Muslim yang benar-benar bertakwa kepada Allah SWT.*¹²³

Menurut Nurin Tinungal Abdullah, *sambutan Maal Hijrah skopnya amat luas bukan sekadar mengadakan majlis dan perarakan tetapi merangkumi kehidupan harian seperti sikap, cara hidup, pergaulan, percakapan dan lain-lain lagi.*¹²⁴ Ini menunjukkan bahawa Islam amat menggalakkan umatnya untuk melakukan perubahan. Islam adalah agama yang dinamik, bukan jumud dan kaku. Malah Islam menuntut umatnya agar

¹²¹Temu bual dengan Johar Yasan di JAWI, jam 10:00 pagi, pada 26 Mac 2010.

¹²²Temu bual dengan Md. Zanafi Mustafa di JAWI, jam 10:55 pagi, pada 18 Oktober 2009.

¹²³Temu bual dengan Nornazirah Abdullah di JAWI, jam 10:30 pagi, pada 14 Ogos 2009.

¹²⁴Temu bual dengan Nurin Tinungal Abdullah di JAWI, jam 09:40 pagi, pada 16 Julai 2009.

selalu membuat perubahan. Contohnya, dari sudut perlakuan buruk merubah kepada baik dan sebagainya.

Suhaimai Abdullah Hoo turut berpendapat, *majlis sambutan Maal Hijrah banyak memberi manfaat kepada saudara baru terutamanya dari segi ilmu seperti perbincangan mengenai akidah, fardu ain, perkembangan Islam semasa dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai ikutan.*¹²⁵

Kesimpulannya, majlis sambutan Maal Hijrah bermanfaat dan memberi kesan positif kepada saudara baru dari segi pegangan akidah, asas-asas fardu ain, perkembangan Islam semasa dan memupuk kasih sayang serta cinta kepada Rasulullah SAW agar menjadikannya sebagai contoh ikutan yang terbaik dalam menjalani kehidupan harian. Ia juga dapat menyedarkan mereka, memberi keyakinan diri, memberi dorongan untuk terus berusaha dengan lebih gigih serta berubah ke arah kebaikan yang berintegriti. Hasil kajian ini mendapati untuk meningkatkan lagi keberkesanan majlis tersebut pihak pengurusan majlis, haruslah memfokuskan terhadap aspek-aspek berkaitan dengan pengisian kerohanian secara konsisten.

3.4.2.4 Majlis Sambutan Maulidur Rasul

Majlis sambutan Maulidur Rasul diprogramkan hanya sekali di dalam setahun. Sambutan majlis ini adalah agenda tetap tahunan yang diadakan bagi mengenang kembali detik kelahiran Rasulullah SAW pada 12 Rabiulawal bersamaan 571 Masihi. Majlis ini sangat penting kerana dapat membimbing saudara baru menghayati perjalanan kehidupan Rasulullah SAW dalam usaha menyebarkan dakwah Islamiah.

¹²⁵Temu bual dengan Suhaimai Abdullah Hoo di JAWI, jam 11:55 pagi, pada 28 September 2009.

Objektif utama program ini adalah untuk:¹²⁶

1. Mengingati hari kelahiran junjungan besar Nabi Muḥammad SAW.
2. Menjadikan peribadi Baginda SAW sebagai contoh dan ikutan yang terbaik.
3. Memberi pendedahan kepada saudara baru mengenai erti perjuangan dan pengorbanan Nabi Muḥammad SAW dalam menghadapi cabaran semasa dan globalisasi.

Antara pengisian program adalah seperti berikut:

- Kudapan pagi.
- Ucapan pengerusi majlis.
- Bacaan selawat beramai-ramai.
- Ucapan perasmian Pengarah JAWI.
- Ceramah agama/forum.
- Persembahan selawat dan nasyid.
- Anugerah khas sambutan Maulidur Rasul.
- Jamuan tengah hari.

Menurut Md. Tahir bin Md. Yusoff, *apabila tiba bulan Rabiulawal pada setiap tahun, bertepatan dengan kelahiran Nabi Muḥammad SAW, majlis sambutan Maulidur Rasul diadakan untuk mengingati riwayat kehidupan dan perjuangan Baginda SAW dengan sifat yang terpuji untuk dijadikan tauladan.*¹²⁷

Sarah Abdullah menyatakan, *majlis sambutan Maulidur Rasul dapat menambahkan lagi perasaan kasih kepada Baginda SAW dan mengenang,*

¹²⁶Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11.00 pagi, pada 23 Mei 2010.

¹²⁷Temu bual dengan Md. Tahir bin Md. Yusoff di JAWI, jam 11:15 pagi, pada 20 Nov 2010.

*menghargai perjuangan Baginda SAW. Sejak mengikuti program ini, sedikit sebanyak dapat mengambil iktibar daripada perjuangan Baginda SAW untuk dijadikan panduan hidup.*¹²⁸

Roslinda Abdullah pula menjelaskan, *ceramah dalam majlis ini menerangkan kegemilangan masyarakat Islam di zaman Rasulullah SAW dan dikaitkan dengan perkembangan Islam masa kini. Majlis ini juga banyak pengajaran untuk dijadikan panduan dan pegangan dalam kehidupan harian.*¹²⁹

Menurut Muhammad Yusof Abdullah, *sambutan Maulidur Rasul dapat menguatkan ikatan umat Islam untuk membangun menjadi satu masyarakat yang teguh dalam menghadapi rintangan dan cubaan di kemudian hari.*¹³⁰

Kesimpulannya, sambutan Maulidur Rasul adalah agenda tetap tahunan dan programnya diatur bersesuaian dengan tema majlis tersebut. Pengisian majlis ini adalah dalam bentuk ilmiah dan pembangunan insan. Majlis ini mengajar saudara baru agar mengenang kembali detik kelahiran Rasulullah SAW dan menghayati perjalanan kehidupannya dengan mengambil iktibar untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Kajian ini mendapati untuk meningkatkan keberkesanan sambutan Maulidur Rasul, pengisian aktiviti majlis ini lebih memberi tumpuan kepada saudara baru supaya mereka dapat merealisasikan dengan lebih jelas dan mendalam.

¹²⁸Temu bual dengan Sarah Abdullah, jam 11:14 pagi, pada 26 Ogos 2009.

¹²⁹Temu bual dengan Roslinda Abdullah di JAWI, jam 10:50 pagi, pada 22 September 2009.

¹³⁰Temu bual dengan Muhammad Yusof Abdullah di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 29 September 2010.

3.4.2.5 Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj

Saban tahun, umat Islam akan menyambut Isra' dan Mi'raj pada 27 Rejab. Sambutan ini, amat penting kerana ia adalah salah satu dari hari kebesaran Islam, malah ia disambut sebagai mengenang kembali peristiwa perjalanan Nabi Muhammad SAW yang amat istimewa iaitu diangkat ke langit untuk menerima wahyu, disyariatkan solat fardu lima waktu daripada Allah SWT. Justeru, sambutan ini sepertimana juga Maulidur Rasul, bukanlah satu majlis keagamaan yang diperintahkan merayakannya, tetapi ia juga tidak dilarang. Sehubungan dengan itu, kajian mengenai sambutan Isra' dan Mi'raj, dilakukan secara langsung di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Kuala Lumpur.

Objektif utama sambutan Mikraj adalah seperti berikut:¹³¹

1. Meninggikan syiar Islam.
2. Mengajar nilai-nilai murni dari peristiwa Isra' dan Mi'raj.
3. Menjadikannya sebagai panduan dan teladan dalam kehidupan harian umat Islam khususnya saudara baru.

Md. Tahir bin Md. Yusoff menyatakan, *majlis ini diadakan pada setiap tahun dengan berbagai acara seperti ceramah, kuis cabutan bertuah, Persembahan nasyid dan lain-lain lagi. Bertujuan untuk memperingati hari kebesaran Islam dan bermanfaat kepada mereka yang hadir.*¹³²

¹³¹Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10:40 pagi, pada 25 Ogos 2009.

¹³²Temu bual dengan Md. Tahir bin Md. Yusoff di JAWI, jam 11:15 pagi, pada 20 Nov 2010.

Mohamad Ab. Rahman menjelaskan, *majlis ini diadakan bukan sekadar untuk memperingati peristiwa Isra' dan Mi'raj, bahkan ia dapat mengambil iktibar dan pengajaran dari peristiwa ini serta kepercayaan terhadap perkara ghaib yang membuktikan kekuasaan Allah SWT.*¹³³

Md. Zanafi Mustafa pula menyatakan, *saudara baru haruslah mengambil iktibar dari inti pati majlis sambutan Isra' dan Mi'raj ini dan mengamalkan di dalam kehidupan harian. Mereka juga haruslah mengambil contoh dari Sayidinā Abū Bakar as-Siddīq yang membenarkan setiap kata-kata disampaikan oleh Rasulullah SAW sehingga beliau di gelar as-Siddīq iaitu benar.*¹³⁴

Menurut Md. Amirul Teiwan Abdullah, *peristiwa-peristiwa yang disampaikan di dalam majlis ini terkandung dalam al-Quran, al-Hadith dan sirah al-Nabawiyah yang tidak terpesong dari kebenarannya.*¹³⁵ Justeru, kajian ini mendapati peristiwa Isra' dan Mi'raj haruslah dijadikan medan wacana sejarah bagi memenuhi acara sambutan tahunan dengan diterapkan kefahaman yang jitu mengenai Islam untuk menterjemahkan pengiktibarannya dalam realiti semasa.

Suhaimai Abdullah Hoo pula berpendapat, *majlis sambutan Isra' dan Mi'raj ini memberi tekanan mengenai solat lima waktu iaitu solat Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak, kerana ia merupakan ibadat terpenting yang mesti dijaga oleh seluruh umat Islam.*¹³⁶

Md. Isa Abdullah pula menyarankan agar majlis sambutan Isra' dan Mi'raj dapat diperluaskan lagi skopnya iaitu tidak hanya tertumpu pada program ceramah atau forum

¹³³Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10:40 pagi, pada 25 Ogos 2009.

¹³⁴Temu bual dengan Md. Zanafi Mustafa di JAWI, jam 11:10 pagi, pada 20 Oktober 2009.

¹³⁵Temu bual dengan Md. Amirul Teiwan Abdullah di JAWI, jam 09:50 pagi, pada 16 September 2009.

¹³⁶Temu bual dengan Suhaimai Abdullah Hoo JAWI, jam 11:55 pagi, pada 28 September 2009.

sahaja. Menurut beliau, *majlis ini perlu mempelbagaikan aktiviti sama ada aktiviti setempat ataupun luaran. Aktiviti setempat seperti qiamullail, tayangan visual kisah-kisah ambiya', pertandingan bercerita dan sebagainya, aktiviti luaran pula seperti mengadakan lawatan ke tempat-tempat yang dapat memberi kesan positif kepada saudara baru serta diadakan program khas untuk menyerikan aktiviti ini.*¹³⁷

Dari keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa majlis sambutan Mi'raj adalah positif dan manfaat kepada saudara baru. Pendapat-pendapat yang dinyatakan di atas, menunjukkan peristiwa ini amat penting untuk dijadikan wacana sejarah di dalam kehidupan mereka. Justeru itu, majlis ini adalah aktiviti tahunan yang dilengkapi dengan pelbagai acara seperti ceramah, kuis, persembahan nasyid dan lain-lain lagi. Ia bertujuan memperingati hari kebesaran Islam untuk diterjemahkan pengiktibarannya dalam realiti semasa. Kajian ini mendapati majlis ini perlu ada perubahan dari segi skop dan konsepnya supaya dapat dipertingkatkan keberkesanannya.

3.6 Aktiviti Kebajikan

Menurut Kamus *Inggeris Melayu-Dewan*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka; perkataan aktiviti menggambarkan kecerdasan atau sibuk sekali. Ia berasal dari perkataan "*active*" bermaksud cergas, cerdas, mengambil bahagian yang aktif dalam sesuatu, giat, hidup atau berpengaruh.¹³⁸ Kebajikan pula ialah melakukan sesuatu yang baik dan manfaat serta menjalankan kerja dengan penuh tanggungjawab.¹³⁹

¹³⁷Temu bual dengan Md. Isa Abdullah JAWI, jam 11:00 pagi, pada 16 September 2010.

¹³⁸ *Kamus Inggeris Melayu-Dewan, An English-Malay Dictionari* (1992), Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 16.

¹³⁹Kamus Dwibahasa (2002), *Dewan Bahasa Pustaka*, Kuala Lumpur, edisi 2, h. 511

Menurut Kamus Dewan, kebajikan ialah sesuatu yang membawa kebaikan, perubahan baik dan berbuat baik kepada orang lain.¹⁴⁰

Aktiviti kebajikan yang dijalankan di JAWI bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan dan menghubungkan silaturahim sesama Muslim khususnya saudara baru. Bagi golongan ini, mereka mesti didekati supaya dapat menarik mereka untuk mempelajari ajaran Islam serta mengamalkannya, bahkan mereka ini mesti dipantau dan dikesan keadaannya sama ada baik atau sebaliknya dari masa ke semasa supaya dapat membantu mereka mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengannya.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat aktiviti kebajikan yang diprogramkan terhadap saudara baru di JAWI iaitu ziarah saudara Muslim untuk mengesan saudara baru yang tinggal di Wilayah Persekutuan Kaula Lumpur dan majlis sambutan hari keluarga saudara Muslim peringkat Wilayah Persekutuan.

3.6.1 Ziarah Saudara Baru yang Tinggal di Wilayah Persekutuan Kaula Lumpur

Ziarah saudara baru adalah sebahagian dari aktiviti-aktiviti dakwah yang dijalankan di JAWI. Aktiviti ini diadakan apabila dikumpulkan saudara baru yang berkaitan untuk membuat kunjungan ke atas saudara baru yang lain seperti menziarahi mereka yang berada di hospital, menimpa musibah, sempena hari kebesaran Islam dan lain-lain lagi. aktiviti ini, adalah untuk mengeratkan lagi silaturahim sesama mereka.

Objektif utama program ini adalah untuk:¹⁴¹

¹⁴⁰Kamus Dewan (2010), *Dewan Bahasa Pustaka*, Kuala Lumpur, edisi 4, h. 110.

¹⁴¹Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:05 pagi, pada 22 Nov 2010.

1. Membuat tinjauan serta mengenal pasti keadaan saudara baru yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2. Merapatkan hubungan silaturahim dan bertukar-tukar pendapat serta beramah mesra di antara satu sama lain dengan perasaan muhibah sesama Muslim.
3. Memberi sumbangan secara tidak langsung kepada saudara baru yang bermasalah agar meringankan bebanan dalam mengharungi kehidupan masa kini yang sangat mencabar.

Mohamad Ab. Rahman menyatakan, *saudara mesti sentiasa dipantau supaya keadaan mereka baik dari segi kewangan, pekerjaan, kesihatan, tempat tinggal dan sebagainya. Mereka juga memerlukan rakan, jiran sebagai penghubung silaturahim kerana kebanyakan mereka tidak mampu hidup secara bersendirian.*¹⁴²

Menurut Md. Zanafi Mustafa, *dengan adanya aktiviti ini kita dapat mengesan keadaan mereka sama ada sihat, sakit, bermasalah, sempit kehidupan atau sebagainya. Jika didapati mereka sakit, pengurusan akan mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah ini. Aktiviti ini jelas menunjukkan pihak JAWI menghargai golongan saudara baru. Amalan seperti ini amat dipandang mulia di dalam Islam.*¹⁴³

Nornazirah Abdullah berpendapat, *aktiviti ziarah saudara baru ini memberi tumpuan kepada mereka yang dilihat semakin jauh dengan Islam ataupun tidak lagi hadir ke kelas-kelas pengajian dan program-program yang dijalankan selain meninjau*

¹⁴²Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10:40 pagi, pada 25 Ogos 2009.

¹⁴³Temu bual dengan Md. Zanafi Mustafa di JAWI, jam 11:10 pagi, pada 20 Oktober 2009.

*keadaan mereka kerana berdakwah merupakan tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh setiap umat Islam.*¹⁴⁴

Suriyani Ahmad pula menyatakan, *ziarah saudara baru kadang kala berhadapan dengan masalah-masalah tertentu seperti diserang oleh kaum keluarganya, pertelingkahan dan sebagainya. Kebiasaannya baik tetapi jika terdapat dugaan mestilah diteruskan kerana ia adalah tanggungjawab yang perlu dipikul.*¹⁴⁵ Kajian ini mendapati, aktiviti ini haruslah diteruskan kerana ia adalah tanggungjawab bagi setiap individu Muslim dan tugas ini juga merupakan tugas para rasul, para aulia' dan as-Solihīn terdahulu.

Muhammad Yusof Abdullah turut berpendapat, *aktiviti ziarah saudara baru ini melibatkan mubaligh dan saudara baru. Setiap kali aktiviti ini yang dijalankan sambutannya amatlah baik walaupun jumlahnya terhad kerana sebab-sebab tertentu. Beliau sudah 10 kali mengikuti aktiviti ini dan berpendapat bahawa aktiviti ini penting, perlu dijadikan aktiviti bulanan supaya mereka dapat dipantau, dikesan dan tidak timbul lagi soal diabaikan.*¹⁴⁶

Kesimpulannya, aktiviti ziarah saudara baru adalah satu usaha dalam berbentuk praktikal yang melibatkan mubaligh dan saudara baru. Ia diadakan apabila dikumpulkan saudara baru yang berkaitan untuk membuat kunjungan ke atas saudara baru yang lain bertujuan untuk menziarahi, membantu, mengesan dan memantau serta mengeratkan silaturahim di antara mereka. Di samping itu, jika didapati keadaan mereka bermasalah seperti sakit dan sebagainya, pihak pengurusan akan mengambil tindakan dengan seberapa segera untuk mengatasi masalah tersebut.

¹⁴⁴Temu bual dengan Normazirah Abdullah di JAWI, jam 10:30 pagi, pada 14 Ogos 2009.

¹⁴⁵Temu bual dengan Suriyani Ahmad di JAWI, jam 10:50 pagi, pada 28 September 2009.

¹⁴⁶Temu bual dengan Muhammad Yusof Abdullah di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 29 September 2010.

Aktiviti ini juga dapat membentuk saudara baru dalam proses pembelajaran untuk menjadi seorang pendakwah yang bertanggungjawab. Dari keterangan di atas, jelas menunjukkan JAWI memainkan peranan penting dalam usaha membantu golongan tersebut di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kajian ini mendapati aktiviti ziarah saudara baru ini haruslah dijadikan aktiviti bulanan, ditetapkan masa dan tarikhnya serta diluaskan skopnya.

3.6.2 Majlis Sambutan Hari Keluarga Saudara Baru/Muslim Peringkat Wilayah Persekutuan

Majlis sambutan hari keluarga saudara baru/Muslim peringkat Wilayah Persekutuan adalah khusus untuk saudara baru yang baru berkahwin, bagi tujuan memberi bimbingan dan kaunseling rumah tangga bahagia kepada mereka.

Objektif utama bagi kursus ini ialah:¹⁴⁷

- i. Memberikan bimbingan kehidupan berkeluarga kepada saudara baru yang baru berkahwin.
- ii. Mendedahkan kesyumulan agama Islam.
- iii. Mengeratkan silaturahim.

Perasmian majlis ini disempurnakan oleh Pengarah JAWI. Turut hadir ialah Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Dakwah JAWI, Ketua Penolong Pengarah Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI, wakil-wakil NGO dari KIMMA, PERKIM, MACMA dan PERMIM.¹⁴⁸

¹⁴⁷Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:25 pagi, pada 14 November 2010.

¹⁴⁸*Ibid.*

Menurut Mohamad Ab. Rahman, *majlis sambutan hari keluarga saudara baru ini diisi dengan slot sukaneka, cabutan nombor bertuah dan bantuan musibah kepada 2 orang saudara baru. Kehadiran mereka tidak ditetapkan jumlahnya. Majlis ini berkonsepkan santai dengan penuh muhibah, supaya dapat menambahkan lagi kemesraan sesama mereka. Majlis ini dijalankan dalam satu siri sahaja selama tiga hari. Pengisiannya ialah ceramah, bengkel, soal jawab dan latihan. Saudara baru yang hadir hendaklah membuat pendaftaran terlebih dahulu dan bersarapan sebelum atur cara dimulakan.*¹⁴⁹

Md. Zanafi Mustafa menjelaskan, *majlis ini merupakan satu program yang dapat mengeratkan silaturahim sesama Muslim dan dapat berkenalan sesama mereka dari berbagai bangsa dan kaum yang datang dari tempat-tempat yang berlainan.*¹⁵⁰

Roslinda Abdullah pula berpendapat, *majlis ini dapat menghubungkan silaturahim dengan saudara baru yang belajar di JAWI dan dapat bertukar pendapat yang lain. Majlis ini kebiasaannya saudara baru datang sekitar jam 07:50 pagi, kerana majlis ini sangat dinanti-nantikan oleh mereka.*¹⁵¹

Muhammad Yusof Abdullah turut menyatakan, *majlis ini mendedahkan pelbagai tanggungjawab yang harus dipikul oleh saudara baru sebagai amanah dari Allah SWT dan sebagai suami pula menunjukkan cara-cara untuk mentadbir mereka di bawah pimpinannya dengan mengikut cara yang telah diajarkan. Bagi si isteri pula,*

¹⁴⁹Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman JAWI, jam 11:05 pagi, pada 22 November 2010.

¹⁵⁰Temu bual dengan Md. Zanafi Mustafa di JAWI, jam 11:10 pagi, pada 20 Oktober 2009.

¹⁵¹Temu bual dengan Roslinda Abdullah di JAWI, jam 10:50 pagi, pada 22 September 2009.

*mereka diminta menunjukkan tanggungjawab sebagai seorang isteri yang dituntut di dalam Islam.*¹⁵²

Menurut Md. Isa Abdullah, *majlis ini haruslah diadakan dua kategori iaitu khas kepada saudara baru yang baru kahwin dan secara terbuka sebagai sambutan Hari Keluarga Saudara Baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.*¹⁵³

Kesimpulannya, pengisian majlis sambutan hari keluarga saudara baru/Muslim peringkat Wilayah Persekutuan ini sangat penting dan berguna terhadap saudara baru. Majlis ini merangkumi ceramah, tazkirah, bengkel dan taaruf serta majlis muhibah dijalankan bagi memantapkan lagi keharmonian keluarga menurut perspektif Islam. Kajian ini juga mendapati, majlis ini perlu ada inisiatif yang menyeluruh agar saudara baru yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak terkecuali dari majlis tersebut.

3.7 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dirumuskan di sini ialah Statistik saudara baru yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), dari tahun 2004 hingga 2009 menunjukkan peningkatan jumlah saudara baru di wilayah ini amat memberangsangkan. Justeru, JAWI sebagai institusi yang bertanggungjawab terhadap golongan ini, telah memainkan peranan penting dalam usaha menganjurkan aktiviti dakwah iaitu aktiviti pengisian ilmu, aktiviti sambutan keagamaan dan aktiviti kebajikan adalah untuk menarik lebih ramai golongan ini ke arah pembangunan jati diri

¹⁵²Temu bual dengan Muhammad Yusof Abdullah di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 29 September 2009.

¹⁵³Temu bual dengan Md. Isa Abdullah di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 16 September 2010.

iaitu pembangunan ilmu pengetahuan dan kefahaman Islam, bahkan turut mementingkan keterampilan diri dalam masyarakat Islam pada masa kini.

JAWI juga turut menyediakan bantuan kewangan, perkhidmatan dan sebagainya yang diperlukan oleh mereka. Hasil dari komitmen yang diberikan oleh JAWI dalam menjaga kebajikan mereka, telah terbuka hati sebilangan masyarakat *non-Muslim* untuk memeluk agama Islam kerana yakin dengan komitmen yang diberikan oleh institusi ini dalam menjaga kebajikan saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.